



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PROFESSOR MADYA DR NORLIDA HANIM MOHD SALLEH
DEKAN SCHOOL OF ECONOMIC (UKM) UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

OLEH:

NURFAEZAH HANIS BINTI HALIM	2011370783
NUR ATHIRAH BINTI ABDULLAH	2011507219

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PROFESSOR MADYA DR NORLIDA HANIM MOHD SALLEH
DEKAN SCHOOL OF ECONOMIC (UKM) UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

OLEH:

NURFAEZAH HANIS BINTI HALIM	2011370783
NUR ATHIRAH BINTI ABDULLAH	2011507219

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

“Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah bersyukur kami ke hadrat ilahi dan segala puji bagi Allah s.w.t di atas limpah kurnianya atas segala nikmat-nikmat yang diberikan dalam proses penghasilan buku transkrip temuramah bersama tokoh yang menjadi pilihan yakni tokoh akademik Prof Madya Dr Norlida Hanim Binti Mohd Salleh. Di sini ingin kami berikan sekalung penghargaan kepada mereka yang membantu terutama sekali pensyarah yang amat dihargai Puan Nor Kamariah Binti Chik yang tidak jemu memberi bimbingan dan menjadi panduan utama bagi sumber rujukan. Sesungguhnya, kesungguhan beliau dalam mendidik kami telah menjadi penguat semangat dan tulang belakang para pelajar dalam penghasilan transkrip ini. Terima kasih tidak terhingga juga buat tokoh akademik Prof Madya Dr Norlida Hanim Binti Mohd Salleh atas keterbukaan hati beliau untuk berkongsi segala pengalaman serta ilmu-ilmu yang menjadi inspirasi kepada kami serta sahabat seperjuangan kelas IM245 5A yang bersama-sama jatuh bangun menyiapkan transkrip ini. Kami bersyukur atas semangat yang dikongsi. Tidak lupa juga sokongan dari ahli keluarga yang turut menyumbang dalam proses penghasilan transkrip. Akhir kata yang baik itu datang dari Allah yang tidak itu datang dari kekhilafan kami. Ribuan terima kasih diucapkan jujur dari hati kami berdua kerana kalian kami berjaya menghasilkan transkrip ini seperti yang dipinta. Diharapkan agar transkrip ini dapat memberi sumber inspirasi kepada generasi yang akan datang dan bersama-sama kita berkongsi manfaat demi kebaikan manusia sejagat.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Temubual ini adalah antara responden tokoh akademik Prof.Madya Dr Norlida Hanim Binti Mohd Salleh iaitu Dekan Fakulti Sekolah Ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersama dua orang pelajar UiTM yang ditugaskan untuk menemuramah tokoh bagi memenuhi sukanan pelajaran IMR604 Oral Documentation. Tokoh ini dipilih berdasarkan pencapaian beliau dalam bidang penulisan, penerbitan, penyelidikan serta pendidikan. Prof.Madya Dr Norlida Hanim Binti Mohd Salleh telah lama berkecimpung dalam bidang ekonomi dan pendidikan, serta telah menerbitkan beberapa risalah jurnal hasil penulisan beliau sendiri. Segala pengalaman, ilmu, dan pandangan beliau terhadap bidang ekonomi terhadap Negara Malaysia telah dikongsi dan telah diperbaulkan dalam konteks semasa.

Kata kunci: *Penyelidikan, Ekonomi, Penerbitan, Ekonomi Pelancongan, Penulisan,*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iii
Isi Kandungan.....	v
Senarai Gambar.....	vii
Biodata Tokoh.....	viii
Pengenalan.....	xxiii
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	02
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....	11
Bahagian 3: Aspek Kerjaya.....	21
Bahagian 4: Profession dan Sumbangan.....	37
Bahagian 5: Harapan.....	53
Lampiran	
Surat Perjanjian.....	62
Log Wawancara.....	63
Senarai soalan.....	67
Gambar.....	72
Indeks.....	74

SENARAI GAMBAR

TAJUK	MUKA
	SURAT
Gambar 1: Gambar kenangan bersama Dr. Norlida Hanim Mohd Salleh.....	73
Gambar 2: Gambar Dr. Norlida Hanim Mohd Salleh bersama Research Assistant	73

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Name: **NORLIDA HANIM MOHD SALLEH**

Degree (highest)	Ph.D Econ, University Putra Malaysia (2009)
Name and Address of Present Employer	School of Economics Faculty of Economics and Business
Position	Associate Profesor (DS54)
Telephone Number	03-89213941, 013-629 3849
Fax. Number	03-89215789
E-mail Address	<u>ida@ukm.my</u>

	<u>norlidahanim@gmail.com</u>
Nationality	Malaysian
Date of Birth	30 th September 1971
Age	43 years old
Sex	Female
Race and Religion	Malay/Islam
Area of Research	<ul style="list-style-type: none"> a. Agricultural Economics. b. Environmental Economics. c. Tourism Economics.
Educational Background	
Primary School	<ul style="list-style-type: none"> a. Sekolah Rendah Kebangsaan Bayan Lepas, Penang (1978-80). b. Sekolah Rendah Kebangsaan Tualang Sekah, Perak (1980-83).
Secondary School	<ul style="list-style-type: none"> a. Sekolah Menengah Malim Nawar, Perak (1984-1986). b. Sekolah Menengah Kuala Dipang Kampar, Perak (1987-1988). c. Sekolah Menengah Buyong Adil Tapah, Perak (1988). d. Sekolah Menengah Sri Kampar, Perak (1988-1989).
University	<ul style="list-style-type: none"> a. National University of Malaysia (UKM), Bangi (1990-1994). b. University Putra Malaysia, Serdang (1996-1999).
Working Experience	
	<ul style="list-style-type: none"> a. Research Assistance at Faculty of Economics, UKM (1994-1995). b. Tutor at Faculty of Economics (July 1995-1999). c. Lecturer at Faculty of Economics and Business, UKM (Jan 2000 until now).
Professional Work Experience	

- a. Editorial Board member of Seminar Proceeding – Agricultural Issues and Strategies, Economic Downturn 1999.
- b. Editorial Board member of National Seminar - A New Dimension in National Agriculture, 2000.
- c. Editorial Board member of National Seminar Proceeding – Trade Liberalisation of Malaysian Agricultural Sector: Strategies toward Increased Competitiveness, 2002.
- d. Editorial Board member of International Seminar - Sustainable Economics and Business Development in an Era of Globalization, 2003.
- e. Matriculation Examiner (Microeconomics Subject), 2001.
- f. Matriculation Examiner (Microeconomics Subject), 2002.
- g. Matriculation Examiner (Microeconomics Subject), 2004.
- h. High School Certificate (STPM) Examiner (Microeconomics Subject), 2001- now.
- i. Examiner /appraiser of Inter-School Essay Competition, 5th. 2003.
- j. Examiner /appraiser of Inter-School Essay Competition, 6th. 2004.

Awards

- a. Dean's List Semester 1, 1992/93.
- b. Dean's List Semester 2, 1992/93.
- c. Dean's List Semester 1, 1993/94.
- d. Dean's List Semester 2, 1993/94.
- e. Best Student for Year III, 1993/94, Awarded by PERBADANAN NATIONAL BERHAD.
- f. Best Student for Year IV, 1994/95, Awarded by PERBADANAN NATIONAL BERHAD.

Number of thesis under supervision

Undergraduate thesis - 65, completed until 2011.

Master's thesis - 10, completed, ongoing 1, until 2011.

Ph.D - 3, ongoing.

Member of Professional bodies

- a. Member of Academic Staff of University Kebangsaan Malaysia (UKM)
- b. Member of Malaysian Association For Resource And Environmental Economics – MAREE
- c. Member/Secretary for Malaysian Input-Output Research Association (MIORA)

1. Articles since Appointment

Journal

Author, Year, Publication, Journal, Volume, Issue, Page number

1. 2014 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Redzuan Othman, Tamat Sarmidi Kalsom Zakaria & Basri Abdul Talib. Tourist Satisfaction and Loyalty at Kapas Island Marine Park: A Structural Equation Model Analysis International Journal of Geo Marine Science, 43(4): Forthcoming [Impact Factor 0.3]. ISI
2. 2014 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Redzuan Othman, Siti Hajar Mohd Idris & Mohd Samsudin. Community Participation in Tourism Development and Livelihood Sustainability, *Indian Journal of Applied Hospitality and Tourism Research*, 6:84-93.
3. 2014 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Siti Hajar Mohd Idris, Redzuan Othman & Saiful Nizam Musa. Homestay in Melaka: Participation of Local Community the Impact and Potential. *South Asia Journal of Tourism and Hospitality*, 7(1): 75-87.
4. 2014 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Zarul Azhar Nasir, Redzuan Othman & Siti Hajar Mohd Idris. Determinant Factors and Tourist Satisfaction Index: A Case Study at the Pulau Kapas Marine Park. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 8(1): 5-11. SCOPUS
5. 2013 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Redzuan Othman, Siti Hajar Mohd Idris, Abdul Hamid Jaafar & Doris Padmini Selvaratnam. The Effects of Tourism Development Towards Livelihood Sustainability of The Orang Asli At The

- Kg.Sg. Ruil, Cameron Highlands. *Tourismos: An International Multidisciplinary Journal Of Tourism*, 8(2): 301-321. SCOPUS].
6. 2013 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Siti Hajar Mohd Idris, Redzuan Othman & Mohd Abdullah Adnan. Sustainable Livelihood and Community Perception of Tourism Development: A Case Study of Langkawi Island, Malaysia. *IAMURE International Journal of Social Sciences*, 8:17-36.
7. 2013 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Siti Hajar Mohd Idris, Redzuan Othman dan Suliza Supaat. Homestay as Malaysia Rural Tourism Product: Community Participation, the Impact, and Potential Development. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 7(5): 532-541. SCOPUS].
8. 2013 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Siti Hajar Mohd Idris, Shafiq Shukor dan Redzuan Othman (2013). Rangsangan Motivasi Ketibaan Pelancong Asing Mengikut Kawasan ke Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 64:1 (2013) 41–50. SCOPUS].
9. 2013 Kalsom Zakaria, Tamat Sarmidi, **Norlida Hanim Mohd Salleh** & Redzuan Othman Kesan Dasar Makroekonomi kepada Pelancongan di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 47(1) 2013 53 – 64. SCOPUS].
10. 2012 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Redzuan Othman and Tamat Sarmidi (2012). Tourist Satisfaction of the Environmental Service Quality for Tioman Island Marine Park *International Journal of Geo Marine Science*, 41(2): 173-179 [Impact Factor 0.3]. ISI
11. 2012 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Redzuan Othman and Abdul Hamid Jaafar (2012). Pattern and Impact of Middle Eastern Tourist Spending to the Malaysian Economy, *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 46(1): 53-63. [SCOPUS].
12. 2012 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Redzuan Othman, Tamat Sarmidi, Jamal Othman and Kalsom Zakaria (2012). Environmental service quality for malaysian marine parks: Tourist satisfaction comparative analysis. *International Journal of Social and Science Management*, 7(1): 79-86. [SCOPUS].
13. 2012 Tamat Sarmidi, Law Siong Hook and **Norlida Hanim Mohd Salleh** (2012). Volatility of Returns and Financial Liberalization: New Evidence, *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 46(1): 101-106. [SCOPUS].
14. 2012 Fatimah Kari, Nurul Huda Mohd Satar and **Norlida Hanim Mohd Salleh** (2012). Income Risk Vulnerability and Perception towards Conservation: A

- Community Level Analysis for Pulau Sibu-Tinggi Marine Park, Mersing, *Journal of Tropical Marine Ecosystem* 1(2012):54-63.
15. 2012 Redzuan Othman, **Norlida Hanim Mohd Salleh** and Tamat Sarmidi (2012). Analysis of Causality Relationship Between Tourism Development, Economic Growth and Foreign Direct Investment: An ARDL Approach. *Journal of Applied Sciences*, 12(12): 1245-1254.
ISI
16. 2012 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Redzuan Othman and Tamat Sarmidi (2012). Pelaburan Langsung Asing dan Perkembangan Pelancongan: Kointegrasi dan Ujian Penyebab Granger di Sepuluh Destinasi Utama Pelancongan. *International Journal of Management Studies*, 19(1), 193-210.
17. 2012 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Redzuan Othman, Siti Hajar Mohd Idris, Abdul Hamid Jaafar and Doris Padmini (2012). Perception of the indigenous Community to the Tourism Development in Cameron Highlands Malaysia: A Preliminary Study. *International Journal of Tourism, Hospitality and Culinary Arts* (Forthcoming 4(2) 2012). [SCOPUS].
18. 2012 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Redzuan Othman and Siti Hajar Mohd Idris (2012). Penglibatan Komuniti Pulau Tioman dalam Bidang Keusahawanan Pelancongan dan Peranan Insentif Pelancongan. *Journal of Tropical Marine Ecosystem*, (forthcoming 2(2012)).
19. 2011 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Tamat Sarmidi, Redzuan Othman, Abdul Hamid Jaafar & Raudha Md. Ramli (2011). Satisfaction and Loyalty of Domestic Tourists towards the Kapas Island Marine Park, *Journal of Tropical Marine Ecosystem*, 1(2011):10-21.
20. 2011 Tamat Sarmidi and **Norlida Hanim Mohd Salleh** (2011). Dynamic Inter-relationship between Trade, Economic Growth and Tourism in Malaysia, *International Journal of Economics and Management*, 5(1): 38-52. [SCOPUS].
21. 2011 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Redzuan Othman and Abdul Hamid Jaafar. (2011). The Impact of Tourist Spending to the Malaysian economy. *International Journal of Management Studies*, 18(1), 1-22.
22. 2011 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Redzuan Othman and Tamat Sarmidi (2011). An Analysis of the Relationships between Tourism Development and Foreign

- Direct Investment: An Empirical Study in Selected Major Asian Countries. *International Journal of Business and Social Science*, 17(2), 250-257.
23. 2011 Tamat Sarmidi and **Norlida Hanim Mohd Salleh** (2011). Time Horizon And Uncovered Interest Parity In Emerging Economies. *Asian Academy of Management Journal*, 16(2), 107–129. [SCOPUS].
24. 2011 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Redzuan Othman, Ahmad Mat Zin and Kalsom Zakaria. The Perception of Foreign Tourists Toward the Environmental and Service Quality Offered by the Tioman Island Marine Park. *Malaysia Consumer and Family Journal*, 14(1), [SCOPUS].
25. 2011 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Redzuan Othman, Emaliana Ramli and Mohd Safar Hasim A Comparison between Travelling Pattern and Effect of Tourist Spending to the Malaysian Economy. *International Journal of West Asian Studies*, 3(1), 29-48.
26. 2010 Redzuan Othman and **Norlida Hanim Mohd Salleh** (2010). An Analysis on the Relationship of Tourism Development and Economic Growth: A Comparison of International Markets. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 44, 93-100. [SCOPUS].
27. 2010 Redzuan Othman, **Norlida Hanim Mohd Salleh** and Tanat Sarmidi. The Impact Of Tourism Industry To The Island Community Livelihoods: A Case Study Of Redang Island, Malaysia. *Asian Journal of Case Research*, 3(2), 103-117.
28. 2010 Redzuan Othman and **Norlida Hanim Mohd Salleh**. (2010). The Relationship Between the Tourism Industry Development and Economic Growth of Selected Asean Countries. *International Journal of Management Studies*, 17(1), 171-188.
29. 2010 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Redzuan Othman, Mohd Safar Hasim and Abu Hassan Shaari Mohd Nor. (2010). Malaysian Tourism Demand From The Middle East Market. *International Journal of West Asian Studies*, 2(1), 37-52.
30. 2010 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Redzuan Othman and Emaliana Ramli. (2010). Satisfaction and Loyalty of Tourist towards Malaysia Tourism Destinations: A Case Study of Middle Eastern Tourists *Jurnal Pengguna Malaysia (Consumer Journal of Malaysia)*, 14, 96-109.
31. 2008 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Siong-Hook Law and Ahmad Shuib, Zaleha Mohd Noor, and Sridar Ramachandran. (2008). Asian Tourism Demand for

- Malaysia: A Bound Test Approach. *An International Journal of Contemporary Management Research*, 4,(4): 361- 378.
32. 2007 Redzuan Othman and **Norlida Hanim Mohd Salleh**. (2007). Importance of Selected ASEAN Markets to the Development of Malaysian Tourism Industry, *International Journal of Management Studies*, 14(2), 163-283.
33. 2007 Redzuan Othman, **Norlida Hanim Mohd Salleh** and Abdul Hamid Jaafar. (2007). The Importance and Contribution of Tourism Industry to the Malaysian Economic Growth. *Akademika*, 11(1), 82-92.
34. 2007 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Ahmad Shuib, Siong-Hook Law, Zaleha Mohd Noor, and Sridar Ramachandran. (2007). An ARDL Model of Tourism Demand for Malaysia by Major ASEAN Countries, *IJUM Journal of Economics and Management*, 15(1), 1-26.
35. 2007 **Norlida Hanim Mohd Salleh**, Redzuan Othman and Sridar Ramachandran. (2007). Malaysia's Tourism Demand from Selected Countries: The ARDL Approach to Cointegration. *International Journal of Economics and Management*, 3(1):39-57. [SCOPUS].
36. 2006 Redzuan Othman and **Norlida Hanim Mohd Salleh**. (2006).The Main Contributors of Tourist Arrival from the Asia and Pacific. *International Journal of Management Studies*, 13(2), 97-152.
37. 2003 Jamal Othman and **Norlida Hanim Mohd Salleh** (2003). The Estimated Reasonable Entrance Charge for Malaysian Marine Parks: Contingent Valuation method, *Malaysian Journal of Environmental Management*, 4, 57-82.

Books

1. Homestay in Malaysia: Potential Economics Activities for the Rural Community. (In-process: Book based on research). Expected publication 2015 – in Malay language
2. The Economics of Tourism (In-process- Text Book). Expected publication 2015 – in Malay language.
3. Malaysian Marine Parks (Under-review: Book based on research). Expected publication 2014 – in Malay language.
4. Demand and Impact of Middle Eastern Tourists published in 2012 by PENERBIT UKM – in Malay language.

5. Macroeconomics I, (Volume 1), publisher Faculty of Economic and Business, 2009. (Text book) – in Malay language.
6. Macroeconomics I, (Volume 2), publisher Faculty of Economic and Business, 2010. (Text book) – in Malay language.
7. Macroeconomics I, (Volume 3), publisher Faculty of Economic and Business, 2010. (Text book) – in Malay language.
8. Principles Macroeconomics, p.g. 345.2010 (Text book) – in Malay language.
9. The Economics of Agricultural Management, Long Distance Learning Module, 2005. – in Malay language.
10. The Environmental Economic, Long Distance Learning Module, 2005. – in Malay language.

2. Researches Since Appointment

Fundamental Researches (under 8th Malaysian Plan below)

Title, Date Start-Date End, Sponsor, Project Code, Funding Amount, Role

No	Title	Date Start -End	Project Code	Funding Amount	Role
1	Economic Research on Transportation Services and Their Link to the Environmental Pollution and Social Ills	2000- 2002	EE0042002	42,020.00 Bank of Tokyo	Joint Researcher
2	Sustainable Tourism Development at Marine Parks: Case Study on Mersing Marine Park	1999- 2001	E/8/1999	5,000.00 Faculty of Economics	Main Researcher/ Project Leader
3	The Development of Handicraft Industry as Tourism Product of	2002- 2003	EE0092002	5,000.00 Faculty of	Joint Researcher

	Kelantan and Terengganu			Economics	
4	Environmental Economic Evaluation toward a Sustainable Recreational Service: A case study on Tioman Island Marine Park	2003-2004	EE/005/2003	5,000.00 Faculty of Economics	Main Researcher/ Project Leader

Fundamental Researches (under 9th Malaysian Plan)

No	Title	Date Start-End	Project Code	Funding Amount	Role
1	Lifestyle of the Elderly in Rural and Urban Malaysia	2007-2009	UKM-EP-05-FRGS0009-2006	28,000.00 Fundamental	Joint Researcher

IRPA Research

Research Code, Title, Date Start, Date End, Role

No	Title	Date Start-End	Project Code	Funding Amount	Role
1	Policies to improve the quality of municipal solid waste management in Malaysia	1999-2001	0402020017	345,000.00 IRPA	Joint Researcher

Encouragement/Support Fund, Faculty of Economic and Business (FEB)

No	Title	Date Start-End	Project Code	Funding Amount	Role
1	Economic Growth and Tourism Industry Development: Case Study on 20 Main International Tourism Destinations	2009-2010	EP-017-2009	5,600	Main Researcher/ Project Leader
2	International Trade, Tourism and Economic Development	2009-2010	EP-012-2009	5,900	Joint Researcher

KSTI Research Fund

No	Title	Date Start-End	Project Code	Funding Amount	Role
1	Quantifying the Economic Impacts of Different Blends of Biodiesel Production on the Diesel and Agriculture Markets, and the Environment	2007 - 2010	06-01-02-SF0333	185,400.00 Science Fund	Joint Researcher
2	Optimising And Sustaining Middle East Tourist Arrivals	2007-2010	UKM-GUP-EP-07-17-131	500,000.00 Research University Grant	Joint Researcher

	To Malaysia				
3	Economic Instrument For Protected Areas	2008- 2011	UKM-GUP-JKKBG 08-03-012	261,000.00 Research University Grant	Joint Researcher
4	Kepuasan dan Kesetiaan Pelancong terhadap Destinasi Pelancongan Pulau Kapas	2010- 2012	UKM-GGPM 2011-005	20,000.00 UKM Young Researcher Encouragement Grant	Main Researcher/ Project Leader
6	Kelestarian Kehidupan Masyarakat Orang Asli Kesan Pembangunan Industri Pelancongan	2011- 2012	Komuniti 2011-022	35,000 Komuniti 2011- 022	Joint Researcher
6	Transformasi Ekonomi dalam Konteks Model Ekonomi Baru (MEB)	2011- 2013	UKM-AP-2011-07 ARUS PERDANA	100,000	Joint Researcher
7	Kelestarian Komuniti Pulau dan transformasi Sosial dalam Arus pembangunan	2011- 2013	FRGS 2011-005	50,000	Joint Researcher

	pelancongan				
8	Multi-Dimensional Responsible Rural Tourism Capacity (RRTC) Framework for Sustainable Tourism	2011-2016	LRGS/1/2011/SS/UPM/01/02	1.1 million	Joint Researcher

3. Consultation since Appointment

No	Title	Date Start-End	Sponsor	Project Code	Funding Amount	Role
1	Product Development, Research and Tourism Services in Malaysia, Ministry of Culture, Art and Tourism	1999-2002	Ministry of Culture, Art and Tourism	-	500,659.30	Joint Researcher
2	Supply Utilisation Account (SUA) Research	2009-2010	Ministry of Agriculture	-	120,000.00	Joint Researcher

3	A Study on Eco-Natural Resort	2012- 2013	Iskandar Region Development Authority	-	160,000	Joint Researcher
---	-------------------------------------	---------------	--	---	---------	---------------------

PENGENALAN

PENGENALAN

“Jika ingin dikenali dalam bidang akademik penyelidikan adalah titik permulaan”

(Kamariah Chik, 2014).

Persoalan merupakan titik permulaan kepada sebuah eksplorasi, penciptaan dan transformasi. Konsep penyelidikan boleh didefinisikan secara jelas bersama elemen penyelidikan yang terkandung di dalamnya. Penyelidikan, dalam pengertian paling asas ialah penerokaan yang cukup mendalam tentang satu subjek untuk mengetahui intipatinya atau sesuatu aspek yang tidak pernah dilihat mahupun disaksikan sebelum ini. Oleh itu, penyelidikan boleh ditakrifkan sebagai sistem saraf pusat untuk proses perolehan pengetahuan.

Bagi universiti, pengetahuan adalah sebab utama kewujudannya, kajian dan penyelidikan merupakan wadah paling penting, serta mampu memberikan pengalaman pembelajaran paling berharga. Sejajar dengan itu, Universiti Kebangsaan Malaysia adalah salah satu universiti penyelidikan yang mewajibkan para pensyarah melakukan penyelidikan dan juga penerbitan. Prof. Madya Dr. Norlida Hanim Mohd Salleh adalah salah seorang pensyarah di UKM yang telah lama menceburkan diri dan berpengalaman dalam dunia penyelidikan dan penerbitan jurnal serta penghasilan buku. Bidang utama beliau adalah penyelidikan yang berkaitan dengan komuniti, sosial, ekonomi dan pelancongan.

Kaitan antara ketiga-tiga iaitu komuniti, pelancongan dan ekonomi amatlah terkesan dan mempunyai impak terhadap masyarakat dan negara. Berikut dengan ini, kami memilih beliau sebagai responden yang tepat untuk memperoleh pengetahuan yang lebih mendalam dan mengolah kembali segala intipati lain yang dapat di serap daripada hasil temuramah. Pengalaman dan pengetahuan yang di kongsi diharap akan menjadi inspirasi kepada semua terutamanya pembaca dan para pelajar.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang perkongsian pengalaman hidup dan pandangan akademik daripada Prof.Madya Dr. Norlida Hanim Binti Mohd Salleh sebagai seorang penyelidik dan pensyarah. Transkrip ini berkisar kepada kisah hidup beliau yang merangkumi latar belakang, kerjaya, profesi dan sumbangan serta harapan beliau sebagai pendidik kepada anak bangsa. Sesi temuramah ini telah dijalankan di pejabat beliau betempat di Faculty School of Economics, Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM pada 2 Mei 2014.

Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

DN: Dr. Norlida Hanim
AA: Athirah Abdullah
FH: Nurfaezah Hanis

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

FH : Assalamualaikum WBT, nama saya Nurfaezah Hanis Binti Halim dan ini rakan saya Nur Athirah Binti Abdullah. Kami daripada UiTM Machang Kelantan ingin menemuramah Dr. untuk tujuan tugasan kami iaitu IMR604 subjek Oral Documentation. Jadi, adakah Dr. sudah bersedia?

DN : InsyaAllah.

FH Baiklah kalau Dr. sudah bersedia kita akan meneruskan sesi temuramah kita ke slot yang seterusnya.

- AA : Assalamualaikum apa khabar Dr.?
- DN : Alhamdulillah sihat. Waalaikumussalam WBT.
- AA : Sebelum tu [itu] bolehkah Dr. memberitahu nama penuh Dr.?
- DN : Sebelum saya menjawab soalan yang ingin dikemukakan, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua pelajar dari UiTM atas aktiviti yang dilakukan dan memilih saya sebagai responden bagi kajian yang ingin dilakukan. Okay suka saya memperkenalkan saya Norlida Hanim Binti Mohd Salleh, nama penuh saya.
- AA : Apakah panggilan yang biasanya digunakan oleh kawan atau keluarga, mungkinkah ada panggilan manja?
- DN : Panggilan banyak, (ketawa) macam-macam panggilan, kalau rakan, lain panggilan, kalau keluarga lain panggilan, tak kisah, banyak gelaran. *Depends* [bergantung] kepada kesesuaian yang memanggil. So [jadi] saya tidak ada kekangan dari segi panggilan. Semua boleh, ada yang panggil Norlida, ada yang panggil Ida, ada yang panggil Hanim, kat rumah ada yang panggil--- anak pun berbeza kan, ada yang panggil ibu, sampai anak-anak jiran saya pun panggil saya ibu, nama komersial. (ketawa)
- AA : Dari manakah Dr. berasal?
- DN : Saya berasal dari negeri Perak. Dilahirkan pada *tiga puluh September sembilan belas tujuh puluh satu* [30.9.1971] di Kg. Baru Kuala Dipang.

AA : Jadi sekarang berumur empat puluh tiga tahun [43]?

DN : Alhamdulillah *empat puluh dua tahun* [42] plus [tambah] (ketawa).

AA : Bolehkah Dr. memberitahu nama penuh ibu bapa Dr.?

DN : Nama penuh ibu saya Zamaah Binti Din, ayah saya Mohd Salleh Bin Mohd Shah.

AA : Maafkan saya jika bertanya, adakah mereka masih ada?

DN : Alhamdulillah ibu saya masih ada tetapi ayah saya telah meninggal pada *tahun dua ribu empat* [2004] yang lalu. Kira dah lebih *sepuluh* [10] tahunlah.

AA : Agak lama tempoh tu [itu].

DN : Masa berjalan terlalu pantas.

AA : Jadi sebenarnya apakah latar belakang ibu bapa Dr.? Apakah pekerjaan mereka?

DN : Ibu saya sebagai seorang suri rumah tangga, manakala ayah saya sebenarnya seorang bekas tentera. Dari *tahun enam puluhan* [60-an], akhir *enam puluhan* [60-an], sehingga tahun lapan puluhan [80-an]. Dia bersara daripada menjadi tentera pada *tahun sembilan belas lapan puluh tiga* [1983], (bunyi kertas diselak) dan setelah itu dia berkhidmat sebagai pekerja buruh am dengan kerajaan di bawah Jabatan Kerja Raya.

- AA : Berapakah bilangan adik beradik Dr. semuanya?
- DN : Saya tak [tidak] ramai sangat adik beradik. Saya *just* [cuma] mempunyai seorang adik lelaki.
- AA : Jadi semua dua beradik sahaja.
- DN : Cukup sepasang. (ketawa)
- AA : Bolehkah Dr. bercerita sikit [sedikit] tentang zaman kanak-kanak Dr.?
- DN : Zaman kanak-kanak. Ini yang kena *flashback* [imbas kembali] balik kan, zaman kanak-kanak yang orang suka sebenarnya (ketawa). Tapi kadang-kadang memori kita pun dah lupa zaman kanak-kanak kita. Okay saya memang- pada mulanya seingat saya, saya dibesarkan oleh ibu sebab ayah saya tentera tadi *so* [jadi] dia [ibu] selalu ditinggalkan. Sebab ayah saya sebenarnya masa saya kecil lagi dia terpaksa dihantarkan ke Sabah dan Sarawak, jadi zaman kecil saya waktu *tu* [itu] dibesarkan oleh ibu. Saya *ta*k [tidak] ingat tahun berapa- ayah ditukarkan balik ke Semenanjung dan kami diminta bertukar ke Pulau Pinang. *Since* [sejak] dari situ lah yang seingat saya, saya baru boleh mengenal ayah saya. Zaman yang sebelum *tu* [itu] saya langsung tak ingat bagaimana perkembangan kehidupan saya masa waktu kecil kan. *So* [jadi] saya dibawa ke Pulau Pinang, dapatlah merasa pengalaman hidup di kem tentera (ketawa).
- AA : Seorang anak tentera.
- DN : Saya tinggal di Kem Sg. Ara, Pulau Pinang dan saya mendapat pendidikan di

sekolah rendah saya di Sekolah Rendah Kebangsaan Bayan Lepas, Pulau Pinang dalam aliran Inggeris sehingga saya berumur *sembilan tahun* [9] saya- ayah saya berhenti dari tentera dan kami pindah semula ke kampung halaman di Kg. Tebing Tinggi, Malim Nawar dan bermula juga set penghidupan saya di kampung yang pada ketika itu tidak ada elektrik, alhamdulillah air ada, so [jadi] terkejut sikit lah kita dah biasa dengan ada televisyen kat rumah, ada kemudahan-kemudahan yang lain tapi balik ke kampung agak kekurangan daripada itu, dan kalau dulunya bersekolah di Kem Sg. Ara kita dihantar ke sekolah dengan menaiki trak tentera. Tetapi bila balik ke kampung terpaksa dihantar oleh mak naik basikal dan bila dah dewasa sedikit pergi ke sekolah berbasikal.

AA : Adakah Dr. berbasikal pergi ke sekolah dengan adik?

DN : Biasanya saya akan menunggang sendiri, adik pun masa *tu* [itu] masih kecil dan dihantar oleh ibu saya.

AA : Berapakah beza umur dengan adik Dr.?

DN : Saya dua tahun *gap* [jarak umur].

AA : Jadi Dr. mesti ada pengalaman pahit manis masa zaman kanak-kanak.

DN : Zaman kanak-kanak kampung berbeza dengan zaman kanak-kanak di pekan kan. Juga tak berapa banyak yang saya ingat. Tapi yang saya suka ialah di kampung pada ketika dulu sungai merupakan antara tempat kita bermandi-manda. (ketawa) Sungai, lombong, so [jadi] satu pengalaman yang budak sekarang *tidak* [tidak] boleh dapat. Kita kadang-kadang, cuti-cuti sekolah, kita--- tengahari

budak-budak sendiri dah buat piknik. Piknik sendiri di tepi sungai. Bawak bekalan makanan sendiri kemudian habis makan kita terjun ke sungai dan mandi bersama rakan-rakan, menangguk udang, tangkap udang. Buat sendiri tangguk tu, tangguk udang sampai ke petang sikit *and then* [dan kemudiannya] bila dah lama berendam dalam air kan kita rasa lapar *so* [jadi] kita balik dan kita akan (ketawa) memasak di rumah menggunakan udang yang kita tangkap. *Which is* [di mana] sekarang *ni* [ini] budak-budak memang tak dapat pengalaman itu lagi lah. *Even* [walau] kat sungai yang sama yang saya peroleh pengalaman tu, sungai tersebut sekarang ni memang dah sama ada terlampau cetek atau memang dah tak boleh aktiviti mandi, membasuh kain, itu semua tak boleh berlaku lagi. Sama juga kalau dulu dalam tempoh untuk memasukkan elektrik ke kampung tu banyak pokok-pokok ditebang, *especially* [terutama] yang tepi-tepi lombong, dan sebagainya, *so* [jadi] pokok tu tumbang ke lombong, jadi kita selalunya menggunakan kesempatan pokok itu sebagai tempat untuk kita terjun ke lombong (ketawa). *Experience* [pengalaman] yang memang penduduk- budak-budak sekarang tak mungkin dapat nikmati benda itu lah. Sangat berbeza, dan kehidupan kampung tu kadang-kadang sangat menyeronokkan sebab kita boleh banyak buat aktiviti. Contoh kalau hari hujan katakan, hari hujan hari yang paling rahmat bagi budak-budak kampung sebab boleh mandi air hujan. Mandi air hujan, dan kita akan bermandi air hujan tu sekeliling kampung beramai-ramai. Itu aktiviti yang paling meriah (ketawa). Ramai-ramai main. Sekarang tidak ada la, tak boleh lagi. Kalau mandi hujan sekarang ni demam.

- FH** : Budak-budak sekarang pun semua main *video game* [permainan video].
- DN** : Aktiviti dia *totally different* [sangat berbeza]. Kadang-kadang ada jugak anak-anak saya minta untuk mandi air hujan tapi saya tak membenarkan sebab di kawasan bandar kadang-kadang hujan dia ada jenis asid dan sebagainya. *So* [jadi], kita mandi lepas tu mungkin kita boleh kena demam. Tapi kalau dulu memang sumber air mandi kadang-kadang kita mandi daripada air hujan, dan kadang-kadang kita pun disogokkan mandi, kalau hujan itu petang Khamis malam Jumaat boleh tадah air hujan itu untuk minum sebagai penerang hati (ketawa). Zaman kanak-kanak lain sangat-sangat kan. Sangat berbeza.
- AA** : Berdasarkan pertemuan pertama kita saya difahamkan Dr. telah berkahwin, bilakah Dr. mendirikan rumah tangga?
- DN** : Saya mendirikan rumah tangga pada *tahun sembilan belas sembilan puluh lapan* [1998], bersama pilihan saya sendiri, Encik Ismail Bin Lagiman.
- AA** : Apakah pekerjaan suami Dr.?
- DN** : Pekerjaan sekarang *ni* [ini] dia buat bisnes sendiri, lebih fleksibel lagi lah kerja sendiri kan.
- AA** : Berapakah bilangan cahaya mata dan umur anak-anak Dr. sekarang?
- DN** : Alhamdulillah hasil perkongsian perkahwinan saya kami dikurniakan *tiga* [3] cahaya mata, seorang perempuan dan *dua* [2] lelaki. Yang perempuan tu berumur *empat belas tahun* [14], Nurul Fatihah, yang kedua Mohd Akmal Yasin, berumur *tiga belas tahun* [13], dan yang ketiga Mohd Akmal Hadib berumur

sepuluh tahun [10].

AA : Jadi mereka pun dah besar.

DN : Taklah [tidaklah] besar mana kan tapi dah mudahlah sikit menguruskan mereka.

AA : Adakah mereka bersekolah di kawasan berdekatan tempat tinggal Dr.?

DN : Alhamdulillah dua [2] daripada anak saya Nurul Fatihah dan Mohd Akmal Hadib bersekolah di Sekolah Agama Seri Al-Amin, dari sekolah menengah hingga sekolah rendah di situ, dan mengambil masa dalam kurang dari lima [5] minit lah untuk sampai ke sekolah. Memang *very close* [sangat dekat] dengan rumah saya. Bagaimanapun Mohd Akmal Yasin terpaksa bersekolah di luar sikit daripada kawasan perumahan tapi tak juga jauh. Sekarang Tingkatan Satu di Sekolah Menengah Jalan Tiga Bandar Baru Bangi.

AA : Dalam kesibukan menguruskan anak-anak dan suami adakah Dr. mempuai hobi yang dilakukan pada masa lapang?

DN : Cakap pasal hobi ni saya tak [tidak] tahu hobi saya (ketawa). Tapi yang terlintas di fikiran itulah yang dibuat. Sebab sesetengah orang memang ada hobi yang spesifik kan, cuti je [sahaja] dia mesti akan buat benda tu [itu]. Saya taklah [tidak] sangat kot. Fleksibel, sangat fleksibel. Kalau rasa *free* [lapang], tiba-tiba macam semalam lepas penat buat aktiviti saya main ping-pong dalam rumah dengan anak-anak, Sabtu petang pergi keluar. Lihat kepada keperluan anak lah. Kadang-kadang mereka minta pergi ke kedai buku, habis masa macam tu lah. Biasanya apa yang di *request* [diminta], kalau mampu tunaikan saya tunaikan.

So [jadi] masa lapang tidak ada yang spesifik. Bergantung kepada keperluan semasa.

- AA** : **Adakah Dr. mempunyai idola atau role model yang diminati mungkin dari zaman kanak-kanak hingga dewasa?**
- DN** : Saya masih lagi macam orang lama yang datang dari kampung, kita tak berapa jelas pasal idola dan sebagainya. Kalau betul-betul nak kata ada idola dari dulu samapai sekarang susah nak jawab. Kalau orang-orang sekarang memang tanya pasal idola dia dah nampak dah, macam idola anak saya, pemain bola sepak ini, nak jadi macam ini, nak jadi macam itu. Tapi bagi saya sendiri memang kita orang kampung tak terdedah pun benda itu. Bila sampai dah besar, mula bekerja, mula berpesatuan, kadang-kadang berkumpul dalam kalangan akademik. Bila ada sesi *brainstorming* [pengungkapan pendapat] baru ditanya pasal idola, masa *tu* [itu] terkejar-kejar nak cari siapakah idola. Tertanya-tanya siapa idola kita. Saya susah nak kata tapi dari pembacaan kita dan sebagainya memang kita perlu menjadikan Rasulullah sebagai idola dalam hidup kita supaya--- *especially* [terutamanya] kita orang muslim supaya mana yang baik yang dilakukan oleh Baginda Saw kita cuba untuk mengikuti.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2 : SEJARAH PENDIDIKAN

- AA : Sebelum Dr. bergelar seorang pensyarah adakah Dr. mempunyai cita-cita lain?
- DN : Banyak. Memangla zaman budak-budak kan. Zaman sekolah, cikgu paling suka tanya apa cita-cita anda bila dah dewasa nanti? Macam-macam cita-cita kan, *tak* [tidak] ketinggalan saya lah. Cikgu akan tanya tiga cita-cita anda. Dia tak nak satu *je* [sahaja] takut tak jadi, ada pilihan. *So* [jadi] saya pun kadang-kadang bertukar-tukarlah. Ada yang nak jadi doktor, nak jadi pensyarah ni pun memang salah satu dalam list jugak. Bila tengok pembaca waktu berita macam senang nak baca, *sometimes* [kadang-kadang] diri pun nak jadi pembaca berita dan sebagainya. Tapi dalam banyak-banyak saya punya cita-cita saya memang nak jadi seorang doktor perubatan sebenarnya. Tapi tak kesampaian sebab, sekali lagi, bila kita bersekolah di sekolah kampung, kita tak terdedah sangat untuk menjadi seorang doctor, apakah bidang yang terus perlu diceburi dari peringkat sekolah. Kita tak tahu *track* [laluan] dia, okay *if you want to be a doctor, this is the way you should follow* [jika awak nak jadi doktor, awak perlu ikut laluan ini]. Saya memang dari aliran sains, saya ingatkan masa saya *form 5* [tingkatan 5] tu saya dah berada dalam *track* [laluan] yang betul dalam bidang sains untuk jadi doktor, dan pada sangkaan saya untuk jadi doktor saya perlu mengambil subjek sains cuma Biologi, Kimia, dan Matematik. Itu *je* [sahaja] lah yang saya nampak. Saya memang *target* [sasarkan] untuk masuk ke matrikulasi sains. Tapi sebabkan *tak* [tidak] tahu *track* [laluan] yang betul *course* [bidang] yang patut diambil, saya meninggalkan subjek fizik, dan saya juga mengabaikan subjek *Additional Mathematics* [Matematik Tambahan] sebab tak tahu kan, *which is* [di

BAHAGIAN 2 : SEJARAH PENDIDIKAN

- AA : Sebelum Dr. bergelar seorang pensyarah adakah Dr. mempunyai cita-cita lain?
- DN : Banyak. Memangla zaman budak-budak kan. Zaman sekolah, cikgu paling suka tanya apa cita-cita anda bila dah dewasa nanti? Macam-macam cita-cita kan, *tak* [tidak] ketinggalan saya lah. Cikgu akan tanya tiga cita-cita anda. Dia tak nak satu *je* [sahaja] takut tak jadi, ada pilihan. *So* [jadi] saya pun kadang-kadang bertukar-tukarlah. Ada yang nak jadi doktor, nak jadi pensyarah ni pun memang salah satu dalam list jugak. Bila tengok pembaca waktu berita macam senang nak baca, *sometimes* [kadang-kadang] diri pun nak jadi pembaca berita dan sebagainya. Tapi dalam banyak-banyak saya punya cita-cita saya memang nak jadi seorang doktor perubatan sebenarnya. Tapi tak kesampaian sebab, sekali lagi, bila kita bersekolah di sekolah kampung, kita tak terdedah sangat untuk menjadi seorang doctor, apakah bidang yang terus perlu diceburi dari peringkat sekolah. Kita tak tahu *track* [laluan] dia, okay *if you want to be a doctor, this is the way you should follow* [jika awak nak jadi doktor, awak perlu ikut laluan ini]. Saya memang dari aliran sains, saya ingatkan masa saya *form 5* [tingkatan 5] tu saya dah berada dalam *track* [laluan] yang betul dalam bidang sains untuk jadi doktor, dan pada sangkaan saya untuk jadi doktor saya perlu mengambil subjek sains cuma Biologi, Kimia, dan Matematik. Itu *je* [sahaja] lah yang saya nampak. Saya memang *target* [sasarkan] untuk masuk ke matrikulasi sains. Tapi sebabkan *tak* [tidak] tahu *track* [laluan] yang betul *course* [bidang] yang patut diambil, saya meninggalkan subjek fizik, dan saya juga mengabaikan subjek *Additional Mathematics* [Matematik Tambahan] sebab tak tahu kan, *which is* [di

mana] dia macam berkait. Ketiga-tiga subjek Sains, Matematik dan *Additional Mathematics* [Matematik Tambahan] yang *tu* [itu] merupakan subjek utama patut di *score* [dicapai] oleh para pelajar untuk masuk ke matrikulasi. Walaupun saya dapat *first grade* [gred pertama] pada masa itu, tapi saya gagal untuk masuk ke matrikulasi sains dan lebih dasyatnya saya sepatutnya dimasukkan ke *form 6* [tingkatan 6] aliran sains *which is* [di mana] jauh dari rumah, saya terpaksa mengambil *dua* [2] bas untuk sampai ke sekolah *form 6* [tingkatan 6] saya, Sekolah Menengah Buyong Adil. Pada ketika itu, disebabkan terpaksa menaiki dua bas, menyebabkan saya rasa malas ke sekolah, sebab saya *confident* [yakin] saya dapat masuk matrikulasi, *so* [jadi] saya telah ponteng sekolah selama *satu* [1] bulan setengah (ketawa). *Finally* [akhirnya] saya tak dapat masuk ke matrikulasi. Yang lebih sedih, saya ada mintak UiTM bidang Mikrobiologi, pun saya gagal dapat tempat. Saya *tak* [tidak] sampai ke peringkat *interview* [temubual] untuk Kejuruteraan Petroleum. Di mana memang saya juga berminat dalam bidang kejuruteraan, dan saya sangkakan saya boleh dapat dengan gred saya yang jauh lebih bagus dari rakan yang lain, tapi sekali lagi terkandas dan politeknik juga saya terkandas sebab *tak* [tidak] sesuai dengan subjek yang saya ambil dengan *course* [jurusan] yang saya *apply* [mohon]. *So* [jadi] nak tak nak selepas sebulan setengah saya pergi ke sekolah lama saya dan saya dapati nama saya telah dipotong. Untuk membolehkan saya bersekolah kembali saya telah membuat rayuan kepada Pejabat Pendidikan Daerah Ipoh dan akhirnya Alhamdulillah saya dapat masuk balik ke Sekolah Menengah Buyong Adil dalam aliran sains tapi dengan sebulan setengah tertinggal persekolahan, tak mungkin untuk saya kejar silibus, dan saya minta tukar ke aliran sastera. Akhirnya saya diterima ke aliran sastera dan bertukar ke Sekolah Menengah Seri

Kampar *which is* [di mana] lebih dekat kerana naik satu [1] bas sahaja. Kadang-kadang saya menumpang ayah saya sebab ayah saya bekerja sealiran tempat. Saya membunceng motosikal ayah saya saja lah untuk ke sekolah. Tapi *most of the time* [selalunya] memang naik bas. Jadi karier persekolahan tu bertukar daripada sains kepada sastera. Memang tercabar. Baca buku sastera tak faham, sangat-sangat lari bidang. Tapi Alhamdulillah dalam aliran sastera *tu* [itu] ada subjek ekonomi. Subjek ekonomi kira *arts* [sastera] lah kan tapi ekonomi ni memerlukan Matematik. Matematik kena *strong* [kuat] baru kita boleh *catch up* [faham] apa yang dipelajari. So [jadi] saya lihat di situ ada *opportunity* [peluang] sikit lah, tapi subjek lain tu lebih kurang sama, Cuma tidak ada langsung belajar sains, so [jadi] saya ambil Bahasa Malaysia, Pengajian Am memang wajib, Ekonomi, Sejarah dan Geografi. Lima [5] mata pelajaran.

AA : Daripada sains bertukar kepada sastera, agak jauh bezanya, tapi **Alhamdulillah Dr boleh bawa diri pada masa itu.**

DN : Alhamdulillah. Boleh bawa diri la, tak boleh pun kena boleh jugak la.

AA : Berdasarkan apa yang Dr telah beritahu tadi tentang kurangnya pendedahan pelajar terhadap kerjaya, bagaimana pula dengan **kelengkapan di sekolah pada masa itu?**

DN : Sekolah semuanya sama. Sekolah di bandar dan sekolah di kampung dari segi peralatan dan sebagainya tidak banyak berbeza tambahan pula pada masa dahulu sekolah bandar pun tidak ada sangat pendedahan sebagaimana sekolah pada masa kini. Cuma sekolah pada waktu itu di kampung kita tidak ada banyak

sangat aktiviti lain yang kita buat. Kita *just* [cuma] pergi sekolah. Mungkin ada ko-kurikulum sekejap di waktu petang, baru kita balik sekolah. Itu saja lah rutin kita. Dan pada masa dulu, zaman saya, tuisyen tidak ada sangat lah. Ada pun tak macam sekarang yang telah menjadi satu kewajipan bagi mak ayah untuk hantar anak ke tuisyen. Kalau kita pergi ke pusat jualan buku, kedai buku sekolah, kalau dulu di tempat saya *tu* [itu] ada *satu* [1] atau *dua* [2] *je* [sahaja] kedai buku serta tak mempunyai banyak pilihan. Kalau kedai buku dia cuma jual buku *je* [sahaja]. Tidak ada benda remeh-temeh yang lain, tapi kalau kita lihat sekarang ni kedai buku segala-galanya dijual. Ada buku, ada CD, pensel pun macam-macam jenis pensel, *sticker* [pelekat] warna-warni, dulu kita tak jumpa lah benda-benda macam tu. Kemudahan lain pun tidak ada. Sekarang ini ada dengan *slide presentation* [persembahan slaid], buku yang bergambar, gambar berwarna, dulu hitam putih *je* [sahaja]. Buku sejarah tebal tu, kalau untuk *form 6* [tingkatan enam], tebal itu je lah. Tidak ada nota ringkas, nota poket. Memang bergantung kepada buku teks dan kita atas inisiatif sendiri untuk meringkaskan. Banyak bergantung kepada diri pelajar sendiri.

AA : Kurangnya kelengkapan pada masa itu. Sekarang pula terlalu banyak pilihan.

DN : Terlalu banyak pilihan sampai kita pun tak [tidak] tahu nak pilih.

AA : Bagaimana pula dari segi akademik dan ko-kurikulum di sekolah pada zaman itu?

Adakah Dr. seorang yang aktif melibatkan diri dalam aktiviti tersebut?

DN : Sangat-sangat aktif *tu* [itu] *tak lah* [tidaklah] tapi saya *join* [terlibat] akademik

biasa lah kan. Kokurikulum saya juga terlibat dalam sukan, dalam pidato, nak jadi pensyarah kan kena berpidato, debat dan *game-game* [permainan] saya terlibat juga lah.

AA : Apakah perancangan Dr selepas *form 6* [tingkatan enam] adakah bekerja atau menyambung pelajaran?

DN : Saya dah memang set saya punya keinginan. Saya memang plan saya sendiri saya akan masuk ke universiti. Itu memang *aim* [sasaran] saya dari saya sekolah menengah lagi lah. Saya habis *form 5* [tingkatan lima] saya akan sambung sebab saya bercita-cita tadi nak jadi doktor *so* [jadi] saya nampaknya dari saya *form 5* [tingkatan lima], masuk ke matrikulasi dan terus ke universiti lah. Tapi dah menyimpang sedikit *so* [jadi] lari sikit *target* [sasaran] saya, dari *form 5* [tingkatan lima] saya kena masuk *upper six* [tingkatan enam atas] dan ke universiti, tapi sebab bidang itu ekonomi pun *tak* [tidak] berapa jelas nak ke bidang mana sebenarnya akhirnya. Boleh jugak ke sains sosial yang lain tetapi pada ketika itu saya ada seorang guru ekonomi yang sangat baik dan *willing* [rela] untuk kongsi *experience* [pengalaman] dan beliau lah yang menyarankan saya untuk masuk membuat pilihan pun *actually* [sebenarnya] ke Universiti Kebangsaan Malaysia [UKM] dan memohon dalam jurusan Ekonomi.

- AA : Jadi cikgu itu lah yang mendorong Dr. untuk cenderung ke arah ekonomi pada ketika itu?
- DN : Ya, kerana masa itu kita sekolah kampung ni kita *tak* [tidak] berapa tahu kita nak ke mana lepas ni. Tak jelas kita punya masa depan *tu* [itu], kita kadang-kadang tu terikut *je* [sahaja]. Lepas habis tingkatan *tiga* [3] masuk tingkatan *empat* [4], memang kena masuklah ke tingkatan *empat* [4], habis ke tingkatan *empat* [4] pergi ke tingkatan *lima* [5], tingkatan *lima* [5] *stop* [berhenti] sekejap kan. Lama dulu kita selalunya kita habis peperiksaan dalam bulan *dua belas* [12] dan kita akan masuk ke mana-mana universiti pada bulan Jun / Julai pada masa itu dan kita ada *lima enam* [5 atau 6] bulan cuti panjang. Dalam tempoh cuti panjang tu macam-macam lah. Sesetengah orang pegi masuk bekerja, dan ada yang tiba-tiba terkahwin pun ada kan (ketawa) dan cuti panjang tu kadang-kadang kalau kita tidak pandai memanfaatkan masa *tu* [itu] orang kata kita lagha lah. Kita seronok bekerja pegang duit kita tak nak lagi menyambung pelajaran dan saya lihat ramai kawan-kawan macam tu lah. Dia dah tersasar daripada landasan dia. Tapi iyalah mungkin dia juga tidak jelas dia punya *future* [masa depan], jadi dia dah dapat duit “Eh seronok lah dapat duit” boleh bagi keluarga dan sebagainya dan dia terus memilih untuk bekerja. Tapi saya alhamdulilah, ayah saya memang tidak bagi saya berkerja lepas *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] kecuali dengan jadi guru tuisyen secara percuma. Cikgu tuisyen percuma di rumah je [*sahaja*]. Buat untuk anak-anak jiran.

- AA** : **Adakah Dr. memperoleh pendapatan untuk itu?**
- DN** : *Tak ada [tidak ada] income [pendapatan] sebab free [percuma]. Orang kampung mana ada duit kalau nak bagi tuisyen berduit walaupun kita mintak sepuluh ringgit [RM100]. Sekarang dia orang [mereka] sudah faham. Kalau dulu-dulu susah lah nak bagi nak hantar anak pergi tuisyen. Tapi saya willing [rela] sebab subjek yang minta diajar pun Matematik, senangkan. Boleh diajarkan. Jadi masa lapang saya, saya habiskan dengan bagi tuisyen secara percuma dan selepas itu saya masuk balik form six [tingkatan enam] sampai habis lah lower six [tingkatan enam rendah] dan upper six [tingkatan enam atas]. Selepas habis upper six [tingkatan enam atas] saya tidak ingat samada saya bekerja atau tidak sebab rasanya macam bekerja sekejap tapi tidak lama sebab saya banyak habiskan masa dirumah.*
- AA** : **Selepas tamat tingkatan enam kemudian Dr. mendapat tawaran di mana?**
- DN** : Saya terus membuat pilihan ke UKM dan saya menyambung dalam ijazah.
- AA** : **Apakah perbezaan yang dirasai oleh Dr semasa zaman peralihan sekolah ke universiti?**
- DN** : Sesuatu yang berbezalah kan. Sepanjang hayat sebelum ni memang kita bersama keluarga tapi bila saya masuk ke universiti *that is my first time* [kali pertama saya] duduk sendiri. Betul-betul berdikari, jauh dengan keluarga dan tidak adalah mak ayah nak datang *weekend* [hujung minggu] jenguk-jenguk tak ada

peluang lah sebab jauh pun kan dan orang kampung pun bukannya ada duit jadinya sekali kali pertama mak ayah hantar lepas tu *survive* [berdikari] sendiri lah. Mula-mula tu adalah juga *culture shock* [kejutan budaya] sebab kita baru lagi memang *totally* [sepenuhnya] kena berdikari sendiri, harapkan rakan-rakan *and then* [dan kemudiannya] belajar kat universiti dengan belajar dekat sekolah dulu *totally different* [sangat berbeza], dan kalau kita lihat belajar di universiti pun dulu dan sekarang pun sangat berbeza. Sebab dulu kita tahu pensyarah kita, nama pun pensyarah kan jadi bila kita ke kuliah tu memang dia betul- betul bagi syarahan. Dia bercakap dan tiada *spoon feed* [suap] lah. Dia bagi sahaja syarahan dan kita *takes note* [ambil nota] lah dan kalau kita pandai *takes note* [ambil nota] *then* [kemudiannya] kita untung sebab bila orang bagi syarahan ni dia laju. Jadi kalau kita nak tulis masa tu lah kita terkejar-kejar untuk *takes note* [ambil nota] tu dan masa itu baru saya fikirkan alangkah bagusnya masa *form six* [tingkatan enam] itu ada masa sebelum masuk universiti saya mengambil *teringkas* [kursus mengambil nota ringkas] sebab pada masa itu teringkas sangat lah penting. *Short notes* [nota ringkas] yang kita boleh ambilkan. Tapi saya, sayangnya saya tidak mengambil teringkas. Saya cuma mengambil kursus untuk menaip. Jadi Alhamdulilah lah juga kalau nak siapkan *assignment* [tugasan] tu tak ada masalah la sebab boleh guna *sepuluh* [10] jari untuk menaip. Alhamdulillah lah boleh la jugak kan (ketawa) daripada setengah orang guna dua jari tetapi kita boleh guna hampir semua jari kita. Ada *benefit* [faedah] kerana kadang-kadang kita kata tak perlulah nak ambil teringkas, nak ambil kursus menaip bukannya kita nak jadi *steno* [kemahiran menaip dengan pantas] kan tapi kadang-kadang tu kita bab kemahiran, banyak kemahiran kita perlu tahu sebab kita gunakan kemahiran itu dalam masa yang kita tidak jangka. Tak rugi belajar. Belajar lah

apa yang boleh dibelajar. *Just* [cuma] apa yang baik belajar lah.

AA : Bagaimana pula dengan rakan- rakan atau teman seperjuangan semasa zaman universiti dahulu? Siapa yang menjadi teman paling rapat?

DN : Teman rapat. Semuanya pun rapat. Kalau di universiti yang boleh dikatakan rapat adalah dalam *dua tiga* [2 atau 3] orang kan. Seorang teman saya Azalina dari Melaka, Zariah dari Gunung Bersaut, dan Maizatul. Dan mungkin *roomates* [rakan sebilik] saya. Saya agak *close* [rapat] juga lah tidak selalu keluar bersama and *so on* [sebagainya] sebab kita rapat begitu *je* [sahaja] lah dengan *roomates* [rakan sebilik] saya.

AA : Adakah Dr. masih berhubung dengan mereka?

DN : Sebelum ini berhubung juga. Macam dengan Azalina tu, kita ni dulu dalam setahun sekali kita ada memeriksa kertas *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia], *so* [jadi] masa tu kita berjumpa lah. Dengan Zariah, *sometimes* [kadang-kadang] saya berhubung juga dengan telefon dan Maizatul tidak ada dan dengan *roomates* [rakan sebilik] saya tadi tidak ada dah. Sekarang ni kalau nak berhubung kita *just* [cuma] taip *je* [sahaja] dalam Facebook [laman sosial] kita lah. Kalau dia respons, *then* [kemudian] kita lama sikit lah *communication* [perbualan] kita kan. Panjang sikit lah. Tanya khabar dan sebagainya. Dan saya juga ada seorang kawan yang tak lah rapat sangat tapi dulu memang selalu bergurau senda lah dengan Dora Fatimah, budak Sarawak. Muka dia mirip saya itu yang *kita orang* [kami] selalu bersama. *Actually* [sebenarnya], bila di

universiti ini kita ambil jurusan yang sama, kita tinggal di kolej yang sama, itu yang kadang-kadang kita buat *discussion* [perbincangan] bersama jadi itu yang buat kita jadi lebih akrab lah. Tahun *satu* [1], tahun *dua* [2] tapi bila dia masuk *tahun tiga tahun empat* [3 dan 4] kita dah mengkhusus. Bila yang mengkhusus tu yang kita mula berpecah sebab pilihan masing-masing. Berpisah sementara, sekarang ni kalau nak berhubung, kita taip melalui Facebook, kalau dia respons, panjanglah sikit *communication* [perbualan]. Zaman moden kan, boleh tengok muka sekali.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3 : ASPEK KERJAYA

- AA : Dari aspek kerjaya pulak bagaimana Dr. mula terlibat dalam bidang pendidikan sebagai seorang pensyarah?
- DN : Macam saya katakan tadi, cita-cita saya nak jadi doktor. Lepas itu kalau tak dapat doktor jadi pensyarah pun okay lah. Tapi saya pun tak terlintas sebenarnya di hati boleh masuk jadi pensyarah. Cumanya pada tahun akhir tu, saya *actually* [sebenarnya] tahun *tiga* [3] saya dah mengkhusus. Saya mengkhusus dalam Jabatan Ekonomi dan Sumber Alam pada ketika itu *which is* [di mana] orang tak ramai sangat nak mengkhusus dalam jabatan ini sebab dia *relate* [berkait] dengan pertanian kan. Orang *tidak* suka dengan pertanian sebab bila kita cakap pasal pertanian orang nampak nak pergi ke kebun je lah. Tapi saya sebenarnya suka lagi Jabatan Analisa dan Dasar Awam. Tapi saya cerita sikit lah, pada ketika itu *lecturer* [pensyarah] jabatan itu garang-garang sikit. Saya rasa saya takut sangat untuk berguru dengan pensyarah jabatan tersebut. Jadi kita ada lagi *tiga* [3] jabatan lain iaitu Statistik, Pembangunan dan Pertanian. Statistik saya sangat berminat tetapi terlampaui banyak pengiraan. Bukan matematik, sebab dia ada statistik, ekonometrik, dan semuanya. Dan selalunya kita dalam kalangan pelajar universiti, kita kata kalau Jabatan Statistik tu dia banyak sangat cacing-cacing tu. Equation kita mudahkan istilah sebagai cacing lah. Cacing dia banyak dan kita susah nak faham. Jadi saya tak nak lah juga jerat diri saya dalam jabatan yang susah saya nak *score* [capai sasaran]. So [jadi] saya ada dua lagi pilihan iaitu Pembangunan dan juga Pertanian. Jabatan Pembangunan ini *quite interesting* [agak menarik] jugak tetapi terlampaui ramai *student* [pelajar] mengkhusus dalam Jabatan Pembangunan dan memerlukan pelajar banyak membaca di mana saya tak berapa suka membaca tetapi saya suka buat latihan.

Jadi nak tak nak saya kata *last choice* [peluang terakhir] saya, saya ambil Jabatan Ekonomi, Pertanian & Sumber Alam. Di mana pada ketika itu, yang mengkhusus dalam jabatan ini cuma *sembilan* [9] orang dan kami sangat *close* [rapat] *sembilan* [9] orang ini. Dalam kumpulan kecil, kita buat aktiviti bersama dan sebagainya. *Then* [kemudian] dengan mengkhusus dalam bidang Pertanian dan Sumber Alam ni, Alhamdulillah saya dapat *score* [capai sasaran] yang baik setiap kali peperiksaan. Saya sebenarnya bukan seorang *student* [pelajar] yang cemerlang, masa saya *first year* [tahun pertama], PNGK saya pernah jatuh ke tahap yang *unbelievable* [sukar dipercayai]. Cukup-cukup makan je [sahaja]. *Two point something* [dua perpuluhan lebih] tapi daripada situ saya naik balik lah. Pada ketika itu Universiti Kebangsaan Malaysia telah memperkenalkan sistem di mana kalau pelajar mendapat PNGK bawah daripada *dua* [2], dia akan ditendang. *So* [jadi] kita tak nak lah dah masuk universiti kena tendang, malu kan. Jadi dari situ saya *struggle* [berusaha] dan akhirnya membolehkan saya jadi *best student* [pelajar terbaik]. Alhamdulillah, pada ketika itu *batch* [kumpulan] saya, jabatan telah sekian lama tidak mengambil pelapis baru sebagai pensyarah. Akhirnya saya ditawarkan untuk memohon *post-tutor* [tenaga pengajar] pada ketika itu. Selepas habis *year four* [tahun keempat] tu, kalau bermimat saya diminta untuk mengisi borang. Tapi saya sebenarnya dah mula aktif dengan jabatan saya pada ketika itu *since* [sejak] saya *third year* [tahun ketiga] lagi. Sebab saya pernah menjadi *Research Assistant* [pembantu penyelidik] kepada pensyarah di jabatan tersebut, dan buat tesis di bawah penyelia yang sama. Jadi mungkin juga dari situ *dia orang* [mereka] lihat saya berminat dalam bidang pertanian dan berpotensi untuk menjadi sebahagian kepada ahli keluarga jabatan. *So* [jadi] bila orang ajak *join* [sertai] saya takkan lepaskan peluang. Saya *just*

[cuma] isi borang dan mereka *interview* [temubual] nampaknya layak dan saya terus ditawarkan sebagai *post-tutor* [tenaga pengajar].

AA : Seperti Dr. sebutkan tadi Dr. dalam bidang Pertanian tetapi kenapa sekarang dalam bidang Ekonomi?

DN : Ekonomi Pertanian. Dalam Ekonomi kita banyak jabatan. Ada jabatan yang relate [berkait] dengan Kewangan, Pembangunan, Pertanian, Analisa dan Dasar Awam. Saya punya pilihan Ekonomi Pertanian lah.

AA : Apa pendapat Dr. tentang sambutan bidang ini dalam kalangan pelajar di Malaysia?

DN : Sama seperti masa zaman saya. Bila sebut *je* [sahaja] pertanian persepsi orang tu agaknya mungkin nampak bekerja di kebun. Sampai Universiti Pertanian pun terpaksa tukar nama kepada Universiti Putra Malaysia *which is* [di mana] saya rasa sayang lah. Biarlah nama pertanian itu masih ada dan kalau kita lihat sekarang ini pun, pertanian dah ditingkatkan lagi kan sampai keluar slogan Pertanian adalah Perniagaan oleh *MOA* [Ministry of Agriculture]. Sebab nak mengubah persepsi masyarakat supaya masyarakat tak [tidak] nampak pertanian tu kebun *je* [sahaja] sebab kalau kita dah sampai ke pendidikan tinggi, dan mengkhusus dalam Pertanian, bukan semestinya kita menjadi seorang petani. Kalau di UKM kita belajar Ekonomi Pertanian *more to* [lebih kepada] pengurusan dan sebagainya. Bukan teknikal sains. UKM tidak ada ladang pun, *students* [pelajar] pun tak turun ke ladang lah. Tetapi saya melihat bahawa UKM ini macam salah tafsiran daripada pelajar sebab potensi untuk mendapat peluang

dalam kalangan mereka yang mengkhusus dalam Ekonomi Pertanian sangat cerah. Banyak institusi yang *relate* [berkait] dengan pertanian. *MBOP* [Lembaga Minyak Sawit Malaysia] contohnya, institut getah dan sebagainya. Dan sekarang ini bila kita membuat untuk meningkatkan lagi industri hiliran, khususnya dalam bidang pemakanan sangat penting. Banyak, dan kalau saya kata kita ini menjadi petani sekalipun, *basic knowledge* [pengetahuan asas] tu perlu ada. *Student* [pelajar] tak nampak ke mana dia nak pergi. Mungkin dalam *mind* [fikiran] dia, dia tak tahu dia akhirnya nanti nak jadi apa. Sebab tu kadang-kadang bila kita mengadakan pertemuan dengan pelajar, *especially* [terutamanya] pelajar yang akan mengkhusus dalam program ini, pelajar akan tanya kepada kita, kalau dia mengkhusus dalam program ini, nanti dia keluar jadi apa? Dia tak boleh tanya kat kita dia nak jadi apa. Nak jadi apa, dia yang tentukan. Sebab memang kalau kita lihat pelajar di universiti, dia menimba ilmu, tetapi bila dia bekerja, kadang-kadang tak pakai langsung pun apa yang dipelajari tetapi masa di universiti dia meningkatkan ilmu di dalam bidang tertentu dan membolehkan dia berfikir dengan lebih kritikal lagi dalam menangani apa-apa isu yang berkaitan semasa di alam pekerjaan.

- AA : Bagaimana pula dengan pengambilan pelajar oleh UKM sendiri ke dalam fakulti ini?**
- DN :** *Intake* [pengambilan] pelajar ke Fakulti Ekonomi tidak bermasalah sebab kita memang telah ditentukan daripada pengurusan berapa jumlah pelajar yang kita kena ambil pada setiap tahun, itu memang dah tetap. Kita memang dah ada pelajar dan UKM memang mendapat pilihan pertama yang tinggi daripada

pelajar sampaikan kita terpaksa *reject* [menolak] pelajar, *demand* [permintaan] tu sentiasa ada. Tapi kalau dalam konteks program tadi, itu yang kurang. Nama program pun kita dah tukar sebenarnya daripada pertanian. Sekarang ini kita telah pun menukar nama jabatan kepada Program Ekonomi Sumber & Alam Sekitar. Pertanian *part of* [sebahagian] dalam Alam Sekitar tu kita masukkan sekali supaya kita dapat memperkembangkan lagi skop bidang ini dan bila nama itu ditukarkan kepada Alam Sekitar, kita haraplah *student* [pelajar] akan lebih tertarik. Tetapi nampaknya sama, mungkin semakin berkurang sebab *student* [pelajar] ni sebenarnya tidak jelas. Sebab kalau dalam Ekonomi Alam Sekitar pun, banyak kursus-kursus yang penting dipelajari. Tetapi nak kata kursus-kursus dalam Alam Sekitar ni *student* [pelajar] tak minat tidak ada, cuma dia akan *select* [pilih] kursus ini sebahagi kursus elektif dan sebagainya. Kadang-kadang saya nampak mereka sepertinya tidak jelas apa sepatutnya yang diambil sebab kalau dia mengkhusus dalam bidang ekonomi dan alam sekitar pun, dekat dia punya- ijazah tidak tulis pun dekat situ “mengkhusus dalam program Ekonomi Alam Sekitar”, tidak ada. Dia umum sahaja. Kalau tak salah saya “Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian” macam itu tetapi *student* [pelajar] sendiri kena pandai- dia boleh mengambil--- pada masa saya dahulu, kita ada konsep minor and major. Major kita, katakan bidang Pembangunan tapi minor kita adalah bidang Pertanian. So [jadi] dia dah dapat *two in one* [dua dalam satu] sebab kita memang diwajibkan ambil kursus elektif dan sebagainya. Tetapi *student* [pelajar] sekarang ini lebih memilih untuk mengambil subjek yang mudah untuk *score* [dicapai], ilmu itu dia tidak pentingkan sangat jadi dia *satu* [1] khusus lah. Kalau pembangunan, pembangunan sahaja dan dia tinggalkan *satu* [1] yang lain. Sedangkan kalau dia buat *dua* [2], dia tahu perjalanan karier

dia di mana. Kalau dia buat kedua-duanya, ilmunya lebih banyak. Semasa dia keluar nanti, dia tidak tahu juga dia nak mengkhusus bekerja di mana *unless* [melainkan] dia memang set dalam *mind* [fikiran] dia nak ke situ. Tapi itu pun katakan dia bercita-cita nak bekerja dengan *government* [kerajaan], *as a government servant* [sebagai pegawai kerajaan] tengok kepada kekosongan. Sebab tengok yang baru-baru ini ramai- saya difahamkan- ada tawaran kerja daripada MPOB dan sebagainya. Tetapi ada setengah pelajar yang *close* [rapat] dengan saya yang *actually* [sebenarnya] jadi *Research Assistant* [pembantu penyelidik] saya tidak boleh *apply* [mohon] sebab *basic* [asas] pertanian itu dia langsung tidak ada dan baru dia rasa “oh, rugi.” tapi masalahnya mungkin dari awal dia tidak *plan* [rancang] dulu betul-betul. Kerjaya dia bagaimana, apa kursus yang dia perlu ambil sebab sebagai pelajar ekonomi dia ada *a few* [beberapa] mata pelajaran yang sungguhpun tidak diwajibkan oleh fakulti untuk ambil tetapi sepatutnya dia patut ambil sebab *once* [sekali] dia keluar *as economics student* [sebagai pelajar ekonomi], benda itu dia mesti tahu. Contoh lah katakan kursus Ekonometrik, di sini memang tidak diwajibkan mengambil kursus Ekonometrik tetapi kursus Statistik wajib tapi Statistik satu [1] sahaja. Itu memang mengira sajalah tapi *more to application* [lebih kepada aplikasi] untuk perngesahan *report* [laporan] tidak ada. Tidak wajib diambil. Tetapi nak keluar sebagai seorang ahli ekonomi apa yang dia nak buat kalau nak buat *report* [laporan] ekonomi pun tidak tahu. Nak *run any statistic package* [buat mananya pakej statistic] pun tidak tahu. *Depends* [bergantung] kepada diri dia sendiri sama ada dia datang dari major dari ekonomi Pembangunan, Analisa dan Dasar Awam, Statistik sendiri ataupun Pertanian Alam Sekitar. *At least* [sekurang-kurangnya] *satu* [1] pakej yang sesuai untuk ekonomi pakej statistik

dia memang kena tahu.

AA : Bagaimana seorang pelajar ingin tahu subjek apa yang akan menjadi pilihan elektif dan bagaimana ianya terkesan?

DN : Dia sepatutnya berbincang dengan mentor. Kita menyediakan sistem mentor mentee. Tapi kadang-kadang ialah *student* [pelajar] dah besarkan dah pandai (ketawa).

FH : Saya tertanya-tanya mengapa UKM tidak sahaja menetapkan subjek elektif buat student?

DN : Kita nak tengok. Sebab *student* [pelajar] dah besar. Kita memberi ruang kebebasan kepada pelajar sebab dia boleh mengambil elektif sebanyak mungkin. Contoh dia tak nak ambil peperiksaan katakan. Dia boleh audit sahaja. Tetapi tak ramai yang *willing* [sanggup] nak buat yang sedemikian. Mungkin mereka sibuk. Tapi kita tidak mahulah macam “Okey you [awak] mesti mengambil kursus elektif ini”, tak perlu. Kita tak mahu *strict* [tegas] macam ni sebab dia mengongkong fikiran- *student* [pelajar]. Kebiasaananya yang masuk universiti adalah *range* [purata] umur *dua puluhan* [20-an] dan ke atas. Jadi dia dah tahu kerjaya dia ke mana, so [jadi] kita bagi dia *flexibility* [kelonggaran].

FH : Seperti yang diketahui remaja memang mudah dipengaruh rakan sebaya. Ini termasuk pelajar universiti. Mereka membuat pilhan berdasarkan citarasa kawan-kawan itu sendiri dan mengikut jejak langkah senior. Jadi apa pendapat Dr. tentang hal ini?

DN : Para pelajar diberi penasihat. Tetapi dia tak nak jumpa dengan penasihat.

Penasihat terbaik dia adalah rakan-rakan dia dan senior dia lah (ketawa). Apa yang senior dia buat itu lah yang dia nak *follow* [ikut].

AA : Sepanjang menjalankan tugas di UKM ini, apa cabaran pahit manis yang Dr.lalui terutamanya dalam menghadapi karenah pelajar?

DN : Tak tahulah saya (ketawa). Dah lama saya jadi pensyarah. Kita terlampau ramai pelajar cuma kadang-kadang kita masih ingat aktiviti kita bersama *student* [pelajar]. Macam saya, saya ajar Ekonomi Makro khusus Ekonomi Pelancongan. Mungkin dalam kursus Ekonomi Pelancongan saya banyak buat program bersama dengan *student* [pelajar] di luar *so* [jadi] di situ kita dapat lebih keseronokan. Di situ kita dapat kenal mereka dengan lebih rapat. Macam kalau dalam kelas kita bagi *lecture* [syarahan] sahaja, dia pun dengar *lecture* [syarahan], buat latihan *and* [dan] habis situ sahaja. Tapi kalau kita mengadakan aktiviti di luar, *student* [pelajar] pun boleh lama ingat dengan kita oleh sebab kita ada kenangan bersama kan. Sama juga kalau dalam *research* [penyelidikan], saya akan *involve* [libatkan] kan beberapa orang *student* [pelajar] untuk turut serta bersama dengan saya.

AA : Semasa tempoh pembelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia adakah Dr. ada mendapat sebarang tawaran contohnya seperti biasiswa atau pinjaman?

DN : Okay. Saya menyambung dengan mengambil Master dan PhD. Memang di bawah tajaan universiti dan- biasiswa dari, SLAP- saya pun tidak ingat. Awak boleh *google* [enjin carian atas talian] untuk nama penuh dia. Mungkin Skim Latihan Akademik Pelajar.

- FH** : **Adakah SLAP ini ianya seperti skim latihan tenaga pengajar muda?**
- DN** : Lebih kurang macam itu, tapi SLAP ini untuk kakitangan yang dah bekerja di bawah institusi kerajaan.
- FH** : **Saya difahamkan Dr. mengambil jurusan yang sama semasa Degree namun di universiti yang berlainan. Boleh Dr. huraikan sedikit mengapa?**
- DN** : Untuk Master dan PhD saya mengambil dalam bidang yang sama. Saya dalam Ekonomi Sumber- *nature resource* [sumber alam] _ _ _ kejap ya--- Ekonomi Sumber dan Alam Sekitar. So [jadi] pada peringkat Master dan PhD dua-dua dalam bidang yang sama tetapi tesis itu masih lagi dalam bidang yang sama cuma saya *specialize* [khusus] dalam *tourism* [pelancongan] okay. So [jadi] Master saya buat *recreational* [rekreasi] punya *value* [nilai] dan di UPM lebih kepada *outdoor recreation* [rekreasi luaran]. And then [selepas itu] peringkat PhD saya- dalam bidang yang sama tapi saya punya kajian kepada *demand* [permintaan] untuk ekonomi pelancongan. Tadi *more close to natural resource* [lebih kepada sumber alam] dan saya ambil rekreasi dan sekarang ini pelancongan. Dia tidak lari dari saya punya bidang. Tetapi sekarang ini saya nampak macam lebih kepada pelancongan ekonomi dan dua-dua saya punya Master dan PhD di UPM.
- FH** : **Kenapa Dr. memilih UPM dan bukannya UKM?**
- DN** Saya sebenarnya dalam perancangan pada peringkat Master saya memang nak ke *U.S* [Amerika Syarikat] pada *sembilan belas sembilan puluh enam* [1996] macam itu dan saya mendapat tawaran di sana tapi *sembilan belas sembilan*

puluhan enam [1996]- sembilan belas sembilan puluh tujuh [1997] berlaku kegawatan ekonomi. Jadi kita tidak digalakkan pergi keluar negara. Nak tak nak saya terpaksa buat *local* [tempatan] dan pilihan yang terbaik adalah di UPM sebab dia *very close* [sangat rapat] dengan UKM dan pada masa itu pun UKM ada polisi. Sesiapa yang *graduate* [lepasan] dari UKM tidak boleh buat Master atau PhD di UKM. Dia nak saya keluar juga dari universiti kebangsaan. Dia tidak mahu rakan kita mengajar kita. Jadi nak tak nak saya kena keluarlah. Jadi keluar yang terdekat adalah UPM dan bidang saya pun memang ada di UPM. *So that's why* [oleh kerana itu] lah kena pilih sama ada di peringkat Master ataupun peringkat PhD di UPM sahaja.

FH : Berapa lama Dr. mengambil Master?

DN : Master saya *dua* [2] tahun sebab saya Master Sains- dan PhD saya- PhD saya ni lama sikit lah. Nak buat PhD ni kita kena *plan* [rancang] daripada awal betul-betul sebab masa saya di UPM, *last batch* [kumpulan terakhir] yang ada *comprehensive plus* [pemahaman ditambah dengan] pengurusan tesis. Okay dan masa itu memang kerajaan pun bagi buat polisi baru dia bagi buat PhD selama *tiga* [3] tahun. Sedangkan sebelum itu *empat* [4] tahun. Jadi saya masuk PhD *tahun dua ribu tiga* [2003], saya balik ke UKM balik *tahun dua ribu tujuh* [2007]. Habis saya punya *tiga* [3] tahun *plus* [tambah] setengah lagi tapi tidak siap tesis. Sebab *dua* [2] tahun untuk *compre* [pemahaman] jadi tinggal *satu* [1] tahun untuk penulisan memang tidak cukup lah. Sebab kita baru nak cari topik dan sebagainya. Itu juga mungkin disebabkan perancangan yang tidak begitu baik sebab pada *tahun dua ribu tiga* [2003] waktu itu belum lagi *turn* [giliran] saya untuk pergi PhD. Tetapi rakan saya yang *turn* [giliran] *tahun dua ribu tiga*

[2003] tiba-tiba dia tidak mahu pergi saya terus *grab the opportunity* [mengambil peluang] dan saya pergi. Saya tidak mahu tunggu lama saya kata, *after three years* [selepas tiga tahun] saya akan keluar untuk buat PhD dan saya terus pergi. Tetapi kalau kerja khusus dan *comprehensive* [pemahaman] tidak ada masalah sebab kita belajar dan akan diuji. Tetapi bila sampai ke penulisan kita dah kena ada apa topik yang perlu kita buat dan masa PhD pun saya pada awalnya saya dah *dua* [2] kali bertukar topik sebab sebenarnya saya nak buat berkaitan *compatible generate equilibrium* CGE [istilah akademik] di mana banyak menggunakan data dari io [input output] dan sebagainya. Bila saya *explore* [mengkaji] yang itu, pada ketika itu, tidak ada kepakaran di Malaysia. Jadi saya kata *since* [memandangkan] tidak ada, saya- saya mencari ilmu sebenarnya. Saya dengan biaya sendiri saya pergi ke Indonesia untuk belajar dan di sana saya difahamkan kalau hendak melakukan analisis dalam *compatible generate equilibrium at least* [sekurang-kurangnya] calon mesti tahu import output analisis, *social accounting matric* [istilah akademik] baru boleh buat *compatible generates equilibrium* dan pada ketika itu, kita di Malaysia memang tidak ada *social accounting matric* jadi saya rasa perjalanan saya akan lama nanti. Saya juga pernah diminta oleh *supervisor* [penyelia] saya untuk buat *demand for health* [permintaan terhadap kesihatan] atau *medical* [perubatan] lebih kurang macam itu. So [jadi] saya *explore* [meneroka] masa saya ambil kursus berkaitan dengan *health, a few article* [kesihatan, beberapa artikel] saya baca tetapi yang saya nampak sebenarnya lebih kepada *health economics* [ekonomi kesihatan]. Kalau *health economics* [ekonomi kesihatan] sepatutnya kita ambil *a few courses* [beberapa jurusan] yang *health economics* [ekonomi kesihatan] dulu baru kita baru kita boleh buat tesis dalam bidang yang nak dibuat

tadi sepertinya nak jadi doktor perubatan pulak kan. Saya juga buat bacaan tetapi saya dapati ianya kurang bersesuaian dengan saya. Saya tukar lagi topik dan *last [akhir]* sekali tentang permintaan perlancongan dan impak kepada ekonomi. Bila permintaan itu kita gunakan *demand theory* [teori permintaan] sahajalah tetapi yang impak itu yang saya gunakan yang CGE tadi dan bila tidak boleh saya kembali kepada pensyarah saya dan hasil dari perbincangan saya diajukan soalan *it is* [iaitu] kalau kita buat *demand* [permintaan] dan *impact are two separate thing* [impak adalah dua perkara yang berbeza] ke satu yang sama? Saya punya respons ianya adalah dua tesis yang berbeza. Jadi kalau dia beri saya peluang untuk memilih nak buat *demand* [permintaan] sahaja atau *impact* [impak] sebab saya dah buat *comprehensive and thesis is a partial* [pemahaman dan thesis sebahagian] sahaja bukan *full thesis* [tesis penuh] jadi tak payah susah-susahkan hidup. Buat *satu* [1] sahaja, nak buat dua-dua buat apa? Berat. Jadi saya bincang *demand* [perintaan] sahaja untuk pelancongan dan mengambil masa saya tadi untuk kita tidak banyak kali bertukar, nak tercari-cari topik. Kalau kita dah nampak dari awal, kalau buat *demand* [permintaan] sahaja memang singkat masa. So [jadi] lama lah saya menghabiskan masa untuk PhD sebab saya *tahun dua ribu tiga* [2003] itu pun dah *end* [habis]. November *tahun dua ribu tiga* [2003] saya masuk, balik sini *tahun dua ribu tujuh* [2007] tanpa PhD dah balik mengajar of *course* [sudah tentu] tak tengok dah tesis. Dah nak dekat-dekat nak habis sangat-sangat *tahun dua ribu sembilan* [2009] baru saya buat. Sekejap sahaja sebenarnya so [jadi] saya *graduate* [tamat pengajian] *tahun dua ribu sembilan* [2009]. *Enam* [6] tahun di situ. Tapi kerja tak sampai *enam* [6] tahun kan. Banyak buat benda lain. Sebab masa saya *tahun dua ribu tujuh* [2007] saya sibuk balik pada ketika itu sebab saya menulis. Sebab saya ada *target* [sasaran]

saya sendiri nak jadi *senior lecturer* [tenaga pengajar muda] cepat. Masa itu, *senior lecturer* [tenaga pengajar muda] hanya perlu empat [4] artikel penerbitan. Pada *tahun dua ribu tujuh hingga dua ribu lapan* [2007-2008] saya memang dah dapat empat artikel yang disyaratkan untuk *senior lecturer* [tenaga pengajar muda] jadi saya dah dapat tapi syarat ditukar pada ketika itu kena *sepuluh* [10] tahun servis. Tambah syarat baru. Itu saya kata yang dikejar tidak dapat, yang dikendong berciciran. Jadi saya kena *work* [kerja] balik dan saya dinasihatkan oleh rakan-rakan di sini kejar PhD dulu dan saya kembali mengejar PhD saya dulu. Sebenarnya sikit saja lagi. *Tahun dua ribu sembilan* [2009] itu pun malas dah nak buat sebab saya dah bentang saya punya tesis pada December *tahun dua ribu lapan* [2008]. Tak lama, *tahun dua ribu lapan* [2008] saya balik *tahun dua ribu sembilan* [2009] saya dah viva tesis December. Tetapi di mana masalah di UPM terpaksa *postpone* [tangguh] sampai ke Februari. Dah melangkah tahun lah kan. Kalau tidak boleh awal lagi *graduate* [tamat pengajian]. Tapi Februari dah bentang tesis dia suruh buat *correction* [pembetulan] tapi tak buat-buat jugak. Itu masalahnya (ketawa) tangguh banyak kan sebab nampak *problem* [masalah] itu macam banyak jadi kita tangguh. Tangguh, tangguh, tangguh sampai nak dekat konvokesyen. Dia ada *certain date* [tarikh tertentu] dia kena bawak masuk ke senat dan sebagainya. Jadi saya punya *correction* [pembetulan] mesti sampai ke meja mereka dalam bulan Jun supaya *meeting* [mesyuarat] Julai boleh masuk dan konvokesyen. Kalau tidak saya berdalih-dalih nak buat tapi dah kejar-kejar itu yang saya baru ada momentum nak buat. *Last-last graduate* [akhirnya tamat pengajian] lah *tahun dua ribu sembilan* [2009]. Selamat berkonvo juga akhirnya Alhamdulilah.

- AA : Jadi apa pendapat Dr. tentang teori versus praktikal dalam proses P & P?
- DN : Okay, teori perlu ada. Kita tak [tidak] boleh buat praktikal sahaja, tak payah buat teori, teori kena bagi dulu supaya dia tahu latar belakang kepada setiap yang dia lakukan okay. Jadi dalam kelas kita bagi teori dan akhirnya ada praktikal supaya praktikal tu lebih kepada pengukuhan. Contoh katakan kita nak bangunkan sahsiah pelajar sahaja kan, okay, nak pelajar itu lebih pandai berkomunikasi dan sebagainya. *First* [pertama] kita bagilah teori-teori komunikasi kalau ada kan. Semua berkaitan dengan teori komunikasi perlu ada tetapi macamana kita nak tahu kita dah bagi teori *student* [pelajar] ni boleh dah ni. Dah bagi teori, *score exam, exam* [capai peperiksaan, peperiksaan] teori A tapi kadang-kadang *still* [masih] lagi yang dapat A yang tak boleh berkomunikasi kan? Kenapa berlaku macam tu? Ini yang kita kena adakan yang praktikal tu tadi. Sama jugak dalam--- Katakan dalam program saya, kita bagi dia teori *and then* [kemudian] dah belajar dah ini, ilmu-ilmu ekonomi dah dapat dah ni, kemudian tiba-tiba berlaku katakan kes kegawatan, dia tak ada langsung didedahkan dengan skill tu. Macamana kalau kegawatan macam ni apa *action* [keputusan] yang perlu dilakukan dan sebagainya, kena ada praktikal dia. Tapi praktikal ini *sometimes* [kadang-kadang] boleh terus ke lapangan. Kita *attach* [sambungkan] kan dia dengan latihan industri dan sebagainya tapi kadang-kadang kita macam buat praktikal dalam kelas di mana sekarang ni orang selalu sebut pasal *study case* [kajian kes] kita bagi dia *case* [kes], *okay if this is the situation* [okay jika situasinya begini] apakah *action* [keputusan] yang boleh dilakukan, *so* [jadi] dalam kes kegawatan katakan *tahun sembilan belas sembilan puluh tujuh* [1997] kan, kita ada *economics crisis* [krisis ekonomi] apa yang kerajaan boleh lakukan bila berlakunya krisis kewangan yang sebegini

berlaku daripada dalam iklim ekonomi kita lah so [jadi] banyak *solutions* [penyelesaian] dia kan. Masa *tahun sembilan belas sembilan puluh tujuh* dan *sembilan belas sembilan puluh lapan* [1997 & 1998] itu pun kita untuk menyelesaikan masalah kewangan kita ditawarkan oleh *IMS* [Sistem Kewangan Antarabangsa] untuk bantuan kewangan. Banyak negara ambil ni kecuali Malaysia, Malaysia tidak ambil. Jadi kenapa Malaysia tak nak ambil? Orang dah bagi duit ini. Jadi mesti ada pro and cons dia kan. Kita kena fikir. Kalau nak bantuan kewangan *satu* [1] kita kena dapatkan satu daripada *international* [kebangsaan] dan *satu* [1] lagi kita mungkin boleh dapatkan daripada dana dalaman di mana kalau kita dapat dana dari luar memang kita dapat duit tetapi kita berhutang kita kena bayar balik kepada orang yang beri hutang dan *interest* [faedah] dia bagaimana dia meletakkan kadar hutang kita, kadar bayaran *interest* [faedah] sebab kalau terlampau banyak kita berhutang *means that* [maksudnya] sekarang Malaysia kan, kita tak boleh hutang kita lebih daripada *lima puluh peratus* [50%] daripada *GDP* [Gross Domestic Product] kita. Bila lebih dari *lima peratus* [5%] kita berhutang dengan luar nanti ranking kita jatuh. Kita pun ada ranking dunia ya. So [jadi] Malaysia akan di rank dalam ranking yang ke berapa. Kalau ranking kita jatuh, nanti kita diberi kadar *interest* [faedah] kepada berdasarkan ranking kita ini tinggi. Lagi ke bawah lagi tinggi lah. Macam kita beli kereta, katakan seorang yang kerja kebun dengan seorang doktor beli kereta katakan kereta Nissan. Jadi kita dapat lihat yang jumlah pinjaman sama tetapi bank mengenakan *interest* [faedah] yang berbeza kepada petani dan doktor. Risiko. Doktor tadi dia tahu *sure* [mesti] dia boleh bayarkan selalu kita tengok dia bagi *interest* [faedah] yang rendah tetapi yang pekebun tadi dia tahu yang mungkin orang ini dia gagal melunaskan pinjaman, *interest* [faedah] kat dia

tinggi supaya bank tu awal-awal dah tarik keuntungan. Risiko yang berhutang tadi. Jadi sama jugak dalam konsep negara kita bukan boleh *simply* [senang-senang] hutang sahaja. Lebih dari yang sepatutnya rank kita jatuh nanti. Jadi lagilah banyak hutang luar negara rank jatuh duit kita mengalir keluar. Dalam ekonomi istilahnya kalau duit kita sentiasa mengalir keluar wujud bocoran. Bocoran dalam ekonomi. Kalau duit tadi kita pinjam dari dalam, duit kita masih dalam ekonomi dalam Malaysia. Dia akan berputar dalam Malaysia lah. Dia tidak keluar, kalau keluar itu bocoran. Bocoran dia kita tak dapat kawal lagi. Belajar ekonomi pulak la kan? (ketawa) konsep dia ini. Teori dan praktikal kedua-duanya skali. Tidak boleh *satu* [1] sahaja.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4 : PROFESSION DAN SUMBANGAN

AA : Bagaimanakah Dr. mula terbabit dalam penghasilan artikel dan berapakah jumlahnya?

DN : Sekarang ini universiti kebangsaan adalah salah sebuah daripada *research university* [universiti penyelidikan] so [jadi] antara *research university* [universiti penyelidikan] dan universiti biasa kriteria dia dah berbeza. So [jadi] sekarang *research university* [universiti penyelidikan] bukan sahaja pensyarah kena mengajar. Mengajar itu hakiki dia memang mengajar. *Basic* [asas] dia memang mengajar. Tak payah cakap lah. Memang kena buat. Tapi *as a research university* [sebagai universiti penyelidikan], kita memang diminta untuk buat penyelidikan dan hasil penyelidikan *of course* [sudah tentu] dalam penulisan. So [jadi] artikel, buku dan sebagainya itu adalah perkara biasa. Semua pensyarah kena buat. Wajib buat nak tak nak itu kena sebenarnya.

AA : Boleh Dr. nyatakan berapa bilangan artikel dan buku yang sudah dihasilkan oleh Dr. sendiri?

DN : Artikel adalah tapi saya tak bilang pun tapi rasanya dalam *since* [semenjak] saya berkhidmat samada berimpak atau tidak berimpak *lima puluh* [50] artikel Insyaallah ada dan buku saya baru menerbitkan *a few* [beberapa] buku samada *chapter* [bab] dalam buku sahaja. Sebab kadang-kadang kita tidak tulis dalam buku. Kita tulis *chapter* [bab] sahaja. So *chapter* [jadi bab] dalam buku dalam bidang saya ada- *empat* [4] ke *lima* [5] buah buku sebab saya baru lagi kan. Yang saya sendiri tulis saya baru ada sebuah buku sahaja. *Satu* [1] buku yang telah diterbitkan. Impak Pelancongan dari Media Asia Barat dan buku kedua

saya bakal menyusul sebab dah masuk ke penerbit. Taman Laut Komuniti dan persekitaran. Saya pun tidak ingat sangat tajuk. Itu *dua* [2] buku dari buku penyelidikan. Buku teks saya ada *chapter* [bab] dalam buku Makroekonomi. Buku Makroekonomi ini, sebenarnya memang inisiatif saya dan kumpulan sebab kita ada *tujuh* [7] orang pada ketika itu mengajar kursus Makroekonomi, set yang berbeza tapi *chapter* [bab] dia sama. Jadi kita membahagikan *satu* [1] pensyarah *dua* [2] topik. Jadi akhirnya kita dapatlah buku Makroekonomi yang sekarang ni diterbitkan oleh Cengage Learning. Tapi untuk jadikan makro ke tahap ini kita sudah melalui banyak proses sebab penulisan buku kalau seorang lain sikit kalau ramai lain lagi. Tambah-tambah kalau buku teks, teori dan *so on* [sebagainya]. So [jadi] kalau tulis buku teks, buku teks makro ini kita dah ada *tiga* [3] versi penulisan. Peringkat demi peringkat. Jadi ini yang *keempat* [4]. (pencerita menunjukkan buku yang ditulis). Yang dicetak oleh Cengage Learning ini adalah cetakan yang *keempat* [4]. Yang mana dulu yang pertama kita buat *loose* [berasingan] sahaja. *Tiga* [3] *chapter* [bab] *tiga* [3] set Makroekonomi, dan kemudian dari set makro, kita *combine* [gabung] kan semua jadi *satu* [1]. So [jadi] itu versi kedua, lepas habis versi kedua kita review dan lagi *satu* [1] versi *ketiga* [3] dan *keempat* [4]. So [jadi] baru *complete* [lengkap]. Tapi itu pun dah *complete* [lengkap] sekali dengan Powerpoint. Tapi saya tak pasti Powerpoint itu diberi kepada pelajar atau tidak. Sebab saya tak tengok tidak ada dalam (bunyi helaian kertas diselak) ni. Tapi kita memang dah ada dengan Powerpoint sekali. So [jadi] untuk penulisan buku *takes time year by year* [ambil masa tahun demi tahun] lah. Kerja yang sangat lama, sebab buku penyelidikan permintaan pelancongan Impak dari Asia Barat itu pun- saya punya kajian tu *tahun dua ribu lapan* [2008], buku dikeluarkan di pasaran dan saya pun

on and off [buat sambilan] kan--- *tahun dua ribu sepuluh, dua ribu dua belas* [2010-2012]. Buku taman laut saya, saya rasa itu *tahun dua ribu lapan* [2008], buku Taman Laut saya pun dah lama saya bekerja tapi saya baru sahaja hantar tahun *dua ribu empat belas* [2014] dan saya harap tahun ini juga dia keluar.

- FH** : **Adakah buku diterbitkan secara berperingkat dan bagaimana pula dengan edaran buku-buku tersebut?**
- DN** : Dia tengok kepada penerbit yang kita hantar. Nak terbit satu [seluruh] Malaysia pun boleh, misal kata macam Cengage Learning ini memang dia *worldwide* [seluruh dunia] la kan tapi sebab dalam Bahasa Melayu jadi *market* [pasaran] dia terhad la, *among* [dalam] Malaysia sahaja. Dan universiti lain boleh guna tapi kalau buku penyelidikan tadi memang saya hantar dua-dua buku saya ke terbitan UKM. *So depends* [jadi bergantung] kepada kepada penerbit UKM lah macam mana dia nak terbitkan buku tersebut. Nak lebih pembaca kita kena tulis dalam *language* [bahasa] yang orang ramai boleh baca contoh dalam bahasa English [Inggeris].
- FH** : **Itu untuk penerbitan buku tetapi bagaimana pula dengan conference paper? Adakah Dr. pernah melibatkan diri dalam conference dalam dan luar negara?**
- DN** : Seperti yang saya nyatakan tadi, universiti penyelidik memang penerbitan samada jurnal, manuskrip yang lain-lain termasuk juga buku dan persidangan semua itu memang kena buatlah, sebab ada *carry weight height* [markah] dia berapa kita boleh *score* [capai] nanti untuk penilaian. *So* [jadi] persidangan

dalam dan luar negara saya memang terlibat. Saya selalu *aim at least* [sasarkan sekurang-kurangnya] *satu* [1] dalam negara dan *satu* [1] luar negara. Sebab saya pun bidang pelancongan kan *so* [jadi] saya memang nak keluar melancong. Pergi conference jalankan tanggungjawab kita lepas itu kita akan lihat juga destinasi pelancongan orang. Macamana dia *market* [niagakan] and *so on* [seterusnya]. kalau kita tak tengok *then* [kemudian] kita tak tahu. At least [sekurang-kurangnya] sebuah negara setahun sekali pun cukup lah kan.

AA : Setakat ini apakah anugerah ataupun pengiktirafan yang Dr. terima sepanjang berkhidmat sebagai pensyarah di UKM ini?

Kalau kat dalam universiti kita ni tak lah banyak sangat anugerah pun tapi kalau ada pun orang yang lebih bagus lah dapat. Sekadar dapat anugerah anjakan gaji adalah. (ketawa). Tapi yang paling terbaru saya pergi *conference* [persidangan] di Sydney, saya dapat anugerah- kejap saya lupa--- research--- (ambil mencari-cari anugerah yang diterima). Dia ada bagi, dia bagi sijil dan--- anugerah The Outstanding World Researcher 2013 [anugerah penyelidik]. Diiktiraf oleh *IAMURE* [International Association of Multidisciplinary Research] Persatuan dia sendiri lah kan. Tapi masa dia bagi tu saya memang banyak *participant* [peserta] lain dalam *research* [penyelidikan] itu dan *maybe* [mungkin] adalah kriteria-kriteria dia tu. Yang itu je lah yang saya dapat. Bagi saya kalau ada, adalah. Kalau tiada, pun tidak apa sebab *research* [penyelidikan] dan *so on* [sebagainya] tu memang saya punya *research* [penyelidikan] dan tanggungjawab. Bukan sebab anugerah baru kita nak buat.

- AA : Jadi adakah Dr. sudah berpuas hati dengan pencapaian Dr. setakat ini? Atau ada lagi yang masih ingin dicapai selepas ini?**
- DN : Alhamdulilah dengan apa yang diperoleh tapi masih boleh meningkat sumbangan lah sebab kalau kita jadi pensyarah kita *just* [hanya] tulis *paper* [kertas kerja], bersidang dan lebih kepada diri sendiri sebenarnya. Tapi kalau kita boleh aktivit yang melibatkan masyarakat *then* [kemudian] kita bagi sumbangan. Jadi saya nampak saya nak buat aktiviti yang boleh bagi *benefit* [faedah] kepada masyarakat. Mungkin itu walaupun sikit at least [sekurang-kurangnya] menyumbang.**
- FH : Dr. merupakan major dalam bidang ekonomi pelancongan, persekitaran dan komuniti. Boleh Dr. huraikan lebih mendalam mengenai salah satu penyelidikan Dr. setakat ini yang yang melibatkan kaitan antara ketiganya lebih lagi dalam kemasyarakatan?**
- DN : Walaupun saya mengambil bidang dalam ekonomi pelancongan tetapi sebenarnya kita boleh membuat penyelidikan yang *mengintergratekan* [intergrasi] sekali komuniti dalam bidang tadi. Katakan dalam pelancongan, yang saya boleh *share* [kongsi] *tahun dua ribu sebelas* [2011] saya ada dapat dana bersama rakan *which is* [dimana] rakan saya sebagai ketua dan *tahun dua ribu dua belas* [2012] saya sendiri sebagai ketua penyelidikan pelancongan dan impak kepada komuniti di Cameron Highland. Komuniti lain ada jugak seperti komuniti di Langkawi dan di Pulau Tioman. Tetapi yang ingin saya *share***

[kongsi] adalah di Cameron Highland dimana kita lihat impak komuniti orang asli sebab pelancongan di Cameron Highland sangat memberansangkan dan orang asli adalah komuniti yang terpinggir daripada arus pembangunan pelancongan itu adalah komuniti orang asli dan kebetulan masa projek sedang dilakukan kebetulan komuniti orang asli di Sungai Ruil menghadapi bencana alam, tanah runtuh dan melalui penyelidikan ini juga kami dapat melakukan khidmat masyarakat sekali kepada mereka. Pada peringkat awal kami melakukan kutipan baju *satu* [1] UKM dan apa jua barang yang ingin disumbangkan. Dan rasanya adalah *tiga* [3] kali berulang alik ke Cameron Highland untuk menyampaikan sumbangan samada dalam bentuk pakaian, makanan, dan pinggan mangkuk kepada mangsa dan kewangan walaupun tak banyak. Walaupun dari segi kawangan tak banyak tapi kita dapat banyak sumbangan dari segi pakaian sampaikan ada satu tahap terlampau banyak baju kurung sedangkan komuniti orang asli tak pakai baju kurung. Jadi kita terpaksa buka *satu* [1] gerai jualan baju kurung dan kebetulan masa itu masa yang sesuai iaitu konvokesyen. So [jadi] kita jual baju sepasang. Tidak ada orang jual baju kurung sepasang *lima ringgit* [RM5] dan sebab murah ramai *student* [pelajar] beli. Baju masih lagi elok kan. Ada yang kita jual *sepuluh ringgit* [RM10] *depends* [bergantung] kepada kualiti lah. Hasilnya, kita dapat dalam *dua ribu ringgit* [RM2000] *cash* [tunai] dan kalau lah harga dia *lima ringgit* [RM5] berapa banyak lah pulak pasang baju yang kita jual? Banyakkan? (ketawa). Sampaikan orang kata memang kita orang semua tidur dengan baju lah. Bertimbun-timbun baju sampai tak larat. Dianggarkan seperti sebilik baju sahaja dapatlah kita *dua ribu ringgit* [RM2000] *cash* [tunai] dan yang selebihnya kita hantar ke komuniti orang asli dan yang terlibat dengan bencana *satu* [1] tempat sahaja. Kampung Sungai Ruil,

namun sebab baju kita terlampau banyak sangat kita *distribute* [agihkan] kepada kampung-kampung orang asli yang lain. Termasuk yang akhir sekali masih ada lagi baju kurung so [jadi] saya bagi ke rumah anak yatim, rumah orang tua dan akhirnya ada *satu* [1] kumpulan pendakwah mereka nak buat dakwah di Sabah dan Sarawak . Saya bagi dalam *dua puluh* [20] kotak pakaian kepada mereka untuk di agih-agihkan. Saya dah tak larat nak tengok baju lagi. Ada dalam setahun rasa saya uruskan perihal baju sahaja. projek saya *tahun dua ribu sebelas* [2011], setahun punya projek tapi projek dah selesai baju masih ada. Jadi kita pergi *dua* [2] hingga *tiga* [3] kali buat *a few* [beberapa] khidmat masyarakat dan minta lagi *donation* [derma] daripada *company* [syarikat] luar. So [jadi] mereka pun bagi samada duit atau pun barang. Sebab seingat saya memang *dua* [2] kali kita pegi dengan *student* [pelajar] dan dua kali lagi tanpa *student* [pelajar]. Jadi memang berulang ke Cameron Highlands sahaja. *Tahun dua ribu sebelas hingga tahun dua ribu tiga belas* [2011-2013] ada pergi lagi tapi *tahun dua ribu empat belas* [2014] belum lagi dan dah mula rindu Cameron Highlands. Nak pergi Cameron Highlands lagi nak rasa *weather* [cuaca] dia nak lihat balik komuniti orang asli itu bagaimana perkembangannya sebab komuniti orang asli di Kampung Sungai Ruil *totally different* [sememangnya berbeza]. Masa *batch* [kumpulan] saya pergi itu dapatlah menikmati kampung akhir di situ. Selepas ini, tanah yang bergunung-gunung, yang berbukit- bukit dan rumah yang asli itu dah tiada. Sekarang dah dalam proses diratakan untuk di buat apartment untuk orang asli. Dikatakan peruntukkan sebanyak *dua puluh juta* [RM2000000] untuk orang asli. Samada rumah bertingkat-tingkat atau sebuah- sebuah saya tidak pasti.

- AA** : Apa pendapat Dr. sendiri perlukah kitakekalkan ke originaliti kebudayaan pembangunan orang asli itu sendiri atau kita berimereka pembangunan yang sejajar dengan komuniti masyarakat yang lain?
- DN** : *Depends* [terpulang]. Kadang-kadang kita perlu mengekalkan budaya. Pelancong kalau betul dia nak pergi melancong , katakan kita jadikan orang asli sebagai tarikan pelancong , kita perlukan yang *original* [asli]. Mereka tak nak tengok yang sama seperti yang lain, sebenarnya tak jauh beza pun identiti kita. Mereka sendiri boleh *generate income* [menghasilkan pendapatan] dari orang asli. Tapi yang asli dah tiada, jadi tiada beza dengan komuniti yang ada ini. Pelancong asing kalau kita *promote* [mempromosi] datang ke Malaysia dan dia sekadar nak tengok yang sama pula dengan negara dia *better* [lebih baik] dia pergi negara dia kerana negara dia jauh lebih bagus kan. Tapi dia nak ke negara kita kerana ingin merasai suasana yang berbeza. Macam kajian saya di Pulau Tioman, mereka suka tinggal di chalet-chalet yang kecil-kecil. Dia nak merasai benda yang tidak ada di negara dia. Tapi *depends* [bergantung] dekat *group* [kumpulan] pelancong tadi lah. Katakan pelancong Asia barat, kita kene kaji sosioekonomi dia bagaimana, *profile* [butiran] dia macam mana sebab kumpulan pelancong Asia barat dia datang secara berkeluarga. Dengan anak kecil, anak besar dengan satu keluarga yang besar. Kalau dah macam itu, tidak sesuai lah nak campak dia ke dalam hutan. Sebab dia datang berkeluarga dan dia datang pun sebab nak berehat yang santai sahaja kan. Dia mungkin nak lihat *environment* [persekitaran] dan apartment mungkin sesuai, sebab dia datang dengan keluarga yang besar. Tapi kalau datang tinggal chalet macamana nak duduk ramai-ramai

macam itu. Tapi kalau mat saleh mereka biasa *berbackpacker* [pengembara] mereka mahu yang murah dan mereka memang suka duduk dichalet-chalet dan ada yang sampai *enam* [6] bulan lamanya. Pernah saya jumpa seorang pelancong dia kata dia macam tertipu sikit lah sebab dia bayangkan dia nak tengok hutan yang betul-betul hutan tapi dia pun salah, yang betul hutan itu kat Borneo. Dia tidak ada *information* [maklumat] yang jelas lah. ada satu lagi *couple* [pasangan] masa saya pergi Sabah dia macam tidak berapa nampak lah sangat. Mungkin dia dapat *tour guide* [pemandu pelancong] atau *tour agent* [ejen pelancongan] yang tidak memenuhi apa yang dia nak. Macam saya, kadang-kadang kita sendiri kene *explore* [meneroka] sendiri, kita carik apa tempat yang kita nak pergi, lepas itu baru kita *communicate* [berhubung] dengan *travel agent* [agensi pelancongan] dan letakkan sikit *spec* [spesifikasi] kita macam kita nak lawat pelbagai tempat. Kalau dia boleh bagi yang lebih, itu lebih bagus lah. Tapi kalau tidak yang ini dia mesti bagi yang lain. Jadi kita kene ada idea sikit lah. Jangan melancong tanpa ada perancangan. Kebetulan saya mengajar kursus ekonomi pelancongan kan, jadi melancong ini dia akan ada sebelum dan selepas. Sebelum apa dia kene buat, dan dia sendiri kene mainkan peranan. Kalau destinasi ini tak dapat pegi mana destinasi alternatif lain yang dia boleh pergi. Dan bila dia ada *plan* [perancangan] alternatif itu dia kena rancang dulu sebelum perjalanan, semasa perjalanan dan selepas perjalanan. Biasanya selepas perjalanan itu *more to evaluation* [lebih kepada penilaian]. Bagaimana orang bagi perkhidmatan dekat dia *and* [dan] kadang-kadang pakej pelancongan itu dia kena buat *evaluation* [penilaian] macamana *service* [perkhidmatan] yang ditawarkan bukannya dia boleh *syok* [suka] sendiri sahaja kan walhal tak sampai pun ke tahap yang terbaik yang diingini. Mereka tidak boleh lebihkan keuntungan kerana kita risau

kemungkinan pelancong itu akan datang sekali sahaja. Tapi kita nak kan *sustainable* [mampan] berterusan dan lestari, bila *sustainable* [mampan] *tourism* [pelancongan] kita, pelancongan akan kembali. Jika dia tidak datang, *promote* [promosi] kepada rakan yang lain. Di dalam pelancongan kita kena kenalpasti *words of mouth* [percakapan] ejen pelancongan yang sangat bagus. Dia boleh *advertise* [iklan] tapi kalau mulut yang bercakap dia akan mempengaruhi. So [jadi] *words of mouth* [percakapan] amat memainkan peranan.

FH : Penyelidikan terhadap komuniti telah memberi impak kepada Dr. jadi bagaimana pula dengan penghasilan buku taman laut yang dihasilkan oleh Dr.? Dan apakah impaknya kepada ekonomi Malaysia itu sendiri?

DN : Taman laut adalah produk pelancongan yang paling tinggi yang patut diberi keutamaan pembangunan pelancongan juga. Ini kerana taman laut adalah antara produk pelancongan yang sentiasa diminati oleh pelancong. Tapi tengok lah pelancong dari negeri mana kan. Taman laut sememangnya produk pelancongan yang kita ada, macam saya sendiri saya menulis tentang taman laut tapi saya tak banyak sangat aktiviti dengan komuniti. Lebihnya kepada penyelidikan dan kemudian bawa *student* [pelajar] tapi aktiviti yang *engage* [bersangkut paut] dengan komuniti memang tiada. Pernah juga berinteraksi dengan mereka *especially* [terutamanya] bila kita melakukan penyelidikan yang lihat impak kepada komuniti. Tapi itu sekadar buat *research* [penyelidikan] tanpa ada aktiviti bersama, di masa akan datang saya ingin lebih terlibat dengan komuniti tapi ada kalanya apa bila melibatkan komuniti kita ada kekangan seperti kewangan sebab kita diberi dana *research* [penyelidikan] untuk *research*

[penyelidikan] sahaja. Duit untuk komuniti kalau nak buat program tidak ada. Kita kena cari sendiri.

FH : Selain daripada khidmat masyarakat anjuran penyelidikan bawah UKM adakah Dr. turut terlibat dengan *NGO* [Non-Government Organization] atau persatuan-persatuan lain luar daripada UKM sendiri?

DN : Komuniti setempat adalah tetapi dengan *NGO* [Non-Government Organization] *so far* [setakat ini] tidak ada lagi lah kerana saya lebih banyak terlibat dalam penyelidikan. Teringin juga nak buat *NGO* [Non-Government Organization] sendiri (ketawa).

FH : Jika diberi peluang apakah jenis *NGO* [Non-Government Organization] yang ingin ditubuhkan oleh Dr.?

DN : Saya ingin menu buhkan sebuah *NGO* [Non-Government Organization] yang lebih kepada memberi bantuan kepada komuniti sebab saya, *tahun dua ribu tiga belas* [2013] memang ada cadangan untuk membuat *NGO* [Non-Government Organization] bersama rakan saya dan bantuan daripada *RA* [research assistant] saya tapi tidak berjaya juga kerana dia ada dua, samada persatuan atau *NGO* [Non-Government Organization] sendiri hendaklah didaftarkan di bawah *ROSE* [Registry of Society]. Saya sendiri pun sebenarnya sudah ada persatuan sendiri iaitu Persatuan Input Output Malaysia, saya dan beberapa rakan di fakulti ekonomi sendiri iaitu di UKM dan UPM telah bermula daripada peringkat awal bersama menggembeleng tenaga untuk menu buhkan persatuan ini. Pendaftaran sahaja

mengambil masa selama *dua* [2] tahun, baru dapat daftarkan persatuan itu. Tapi dah daftar nak *Maintain* [kekalkan] itu yang susah. *Once you* [sekali awak] dah ada persatuan dia kene ada *meeting* [mesyuarat]. *AGM* [Annual Grand Meeting] dan ahli yang memegang jawatan mesti bertukar dan yang memegang jawatan pula mesti ada objektif dan matlamat yang sama dengan kita. Tapi kalau pandangan itu dan lain itu masalah. Kita yang tubuhkan persatuan itu maka kita tahu apa matlamat kita. Tapi bila *AGM* [Annual Grand Meeting] dijalankan dan tiada orang nak datang, itu masalah. Kalau kita dalam persatuan ini, seorang *dua* [2] je yang betul-betul *committed* [fokus] sebab persatuan bukan tempat kita dapat duit. Silap-silap duit kita yang keluar. Terutamanya pada peringkat awal memang susah nak dapat duit, jadi saya buat *a few* [beberapa] program tapi bila sekarang duit dah ada kita pula dah tak larat lagi nak buat program. Bila berpersatuan, bukan satu sahaja tanggungjawab kita kat situ. Tapi saya tidak tahu lah bagaimana persatuan yang lain, mungkin kita kene tengok *NGO* [Non-Government Organization] baru kita boleh tengok pengurusan itu macamana. Hari itu, saya ada pergi ke latihan industri di bawah IPU di bawah seksyen pengagihan memang dia bagi bantuan kewangan kepada *NGO* [Non-Government Organization] yang buat program bantuan kepada pembangunan komuniti. Ada saluran dia tapi sayang saya tidak tahu tapi tidak mengapa lah sekurang-kurangnya dah dapat idea mengenai perkara itu kan. Mungkin dia lebih kepada projek jangka panjang seperti *lima* [5] tahun kan supaya kita boleh bantu komuniti untuk meningkatkan pendapatan. Jadi bila dah dapat dana kita kena lah *plan* [rancang] program yang bersesuai dengan objektif kita itu. So[jadi] bila melibatkan diri dengan komuniti, dengan *NGO* [Non-Government Organization].. adui....kita kena banyak sabar sebab amanah itu berat. *Once*

[sekali] kita dah dapat kita kena pikul amanah. Masa kita, kewangan kita dan adakalanya bila kita buat aktiviti kena pakai kewangan kita sendiri kan. Tak kan kita nak pakai persatuan kan. Ada la *precaution* [penjagaan] dia. Tapi memang berat lah, bila dah *register* [daftar] dengan *ROSE* [Registry Social Community] kita kena buat laporan kewangan, kena *submit* [hantar] dan sekarang *online* [atas talian] pula. Dulu adalah *RA* [Research Assistant] bantu tahun ini tak tahu lah. Semua kena buat sendiri, itu yang tak larat tu.

FH : Saya tertarik dengan Persatuan Input Output Malaysia itu tadi. Boleh Dr. huraiakan dengan lebih terperinci apakah objektif, matlamat dan aktiviti persatuan itu sendiri?

DN : Saya setiausaha kepada persatuan, masa saya menerima surat sijil pengiktirafan itu saya merupakan penerima akhir dan bila penerima akhir ini dia banyak tanya sikit, jadi saya ditanya di atas pentas itu apakah sebenarnya persatuan input output ini sebab orang tak pernah dengar pun. Jadi sebenarnya persatuan ini merupakan persatuan kakitangan akademik yang menggunakan input output iaitu data yang dikeluarkan oleh *DOS* [Department of Statistik] Badan Perangkaan Malaysia yang mengeluarkan jadual menggunakan input didalam pengeluaran dan output. Namun, persatuan ini menggunakan kaedah lain yang berkaitan dengan input output. Katakan nak tengok impak pelancongan kepada ekonomi kita boleh menggunakan input output atau gunakan *Social Accounting Metric* [SAM] di mana *one* [satu] [1] *component* [komponen] didalam matrik itu adalah daripada input output. Begitu juga dengan CGE pun ada kompenan input output juga. So [jadi] mana-mana orang yang menggunakan kaedah ini dan asas dia input output

jadi boleh lah menyertai persatuan ini. Kalau tidak ada menggunakan pun tetapi nak menjadi ahli boleh sebab kita akan bagi dia *training* [latihan] dan *so on* [seterusnya].

FH : Persatuan Input Output ini beroperasi di UKM sahaja atau terbuka seluruh Malaysia?

DN : Persatuan input Output Malaysia maksudnya seluruh kakitangan akademik boleh menganggotai tetapi alamat surat-menyurat memang saya letak dibawah Fakulti Ekonomi pengurusan di UKM. Tetapi pengurus dan *AJK* [ahli jawatan kuasa] yang lain boleh datang daripada mana-mana negeri dan mana-mana institusi tetapi syarat dia mesti jadi ahli. Alamat surat menyurat boleh tukar tetapi kita beritahu *ROSE* [Registry Community Social] tetapi dulu pengasasnya adalah kami di UKM. Saya sendiri, Dr.Hameed, Dr. Ridzuan tetapi kita dibantu oleh UPM, Prof. Zakaria dan kita ada Dr. Khalid di Kementerian Sains. Kita ada *sepuluh* [10] orang tetapi nama-nama yang disebut adalah tulang belakang persatuan ini. Bila dah ada persatuan kita kena buat perlumbaan dia sendiri. Bukan senang nak buat sebab ada yang nak buat persatuan sebab dengar saya buat persatuan. Buatlah sebab saya sendiri ambil masa selama *dua* [2] tahun untuk dapat persatuan dan nak *maintain* [kekalkan] itu payah. Masing-masing ada komitmen sendiri, *actually* [sebenarnya] persatuan kita boleh *generate* [hasilkan] duit tapi bukan untuk kita. Ada di dalam perlumbaan, boleh kita *hire* [melantik] pengurusan dan sebagainya tapi kita pun duit tak banyak nak bayar berapa pula kan. Masalahnya bila bertukar, bertukar, dan bertukar contoh macam *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] memang bertukar tetapi gurunya

masih ada lagi dan penduduk di situ memang ada kepentingan dia sendiri. So [jadi] dia buat aktiviti untuk setempat dia sahaja. kalau kita pula alamat di UKM katakan esok pengurus dia di Universiti Sabah, jadi nanti komunikasi ada kekangan dengan nak hantar surat jauh-jauh semua kan. Itu baru Malaysia (ketawa).

FH : Bagaimana dengan syarat untuk menjadi ahli dan yuran persatuan?

DN : Itu kena ikut perlumbagaan, kita dah tetapkan semua kat situ. Yuran keahlian bulanan, seumur hidup ke tapi kita galakkkan seumur hidup terus tak perlu kita *collect* [kumpul] banyak kali. Untuk yuran tahunan hanya *dua puluh ringgit* [RM20] setahun dan terbuka kepada semua kakitangan namun dia ada kriteria-kriteria yang termaktub dalam perlumbagaan persatuan.

AA : Setakat ini berapakah bilangan ahli dalam persatuan tersebut?

DN : Anggota tak ramai. Dalam belasan orang seluruh Malaysia. Tetapi mesti ada wakil. *Once* [sekali] dia nama Malaysia, kena ada wakil dari *tujuh states* [7 negeri] tak salah saya, *tujuh states* [7 negeri] yang berbeza_ _ _ _ _ Kalau nak katakan negeri dia mesti mewakili daerah yang berbeza. Itulah yang saya susah nak cari. Mana kita nak cari kan, so [jadi] Malaysia kena kumpulkan lah dari *tujuh* [7] negeri yang berbeza. Boleh la jugak kan. Ada cita-cita nak buka persatuan?

AA : Insyaallah (ketawa).

FH : Membuka tu tidaklah tapi mungkin menyertai (ketawa). Sebab kami pun daripada Fakulti Pengurusan Maklumat, penyelidikan merupakan tugasan kami (ketawa).

DN : *Student* [pelajar] boleh juga menyertai.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5 : HARAPAN

- AA : Apakah harapan Dr. terhadap pelajar yang ingin menyertai bidang Ekonomi serta skill yang perlu ada untuk menjadi seperti Dr.?
- DN : *Depends [bergantung] lah kepada students [pelajar] apa yang dia nak. Kalau sekadar nak masuk Fakulti Ekonomi, laluan dia dari Form 6 [Tingkatan Enam] atau Matrikulasi. Dia ambil kursus yang bersesuaian dan dapat PNG [gred] yang sesuai pun dia boleh apply [mohon] dan menjadi pelajar Ekonomi lah. Begitu juga kalau misal kata dia berkeinginan untuk menjadi tenaga pengajar dalam bidang ini, dari awal dia kena rancang kerjaya dia. Sebab saingan tu [itu] makin hebat kan. Tak kiralah sebenarnya dia mahu bekerja dalam sektor mana, once [sekali] dia masuk dalam satu [1] bidang, belajarlah sampai menjadi. Jangan masak separuh. Telur memanglah kan, ada masa kita nak makan half-cooked [separuh masak], tetapi ada juga kita nak telur yang keras. Tengok resepi apa yang akhirnya nak djadikan. Ada yang perlu telur mentah je [sahaja]. Nak buat kek kalau pakai half-cooked [telur separuh masak] tak mahu menjadi. So [jadi] matlamat akhir nak ke mana? Lepas itu baru atur strategi untuk capai matlamat akhir. Tak semestinya masuk bidang ekonomi, bidang lain pun, tak sampai ke universiti pun- dia kena rancang dari awal. Kalau tak ada perancangan dia tak tahu lah apa dia nak jadi, ikut ja [sahaja]. Ramai sekarang ini macam itu kot. Dia tak tahu matlamat tu--- Guide [bimbingan] mesti ada. Boleh jadikan guru, ibu bapa, rakan- tapi pandai-pandailah pilih rakan tu (ketawa). Rakan ni suka membawa--- Tapi golongan remaja ni dia memang percaya kepada rakan. Kalau rakan yang dipilih itu adalah baik, Insyaallah baik lah jadinya.*

- FH : Bagaimana pula dengan yang ingin menceburi dalam bidang penyelidikan?
- Tips-tips serta sumber yang boleh digunakan?
- DN : Nak jadi penyelidik la kiranya ni?
- AA : Insyaallah (ketawa).
- DN : Nak jadi penyelidik- teori mesti faham dengan bagus. Sebab penyelidika ni saintifik. Teori *behind* [belakang] ni mesti ada. Dia tak boleh “oh, teringin nak buat penyelidikan” dan dia terus pergi selidik sahaja. *Basic* [asas] dia mesti ada. Katakan tadi saya buat penyelidikan tentang- permintaan, *just* [cuma] permintaan. Simple [mudah] kan, permintaan pelancong. Kenapa pelancong sibuk nak datang ke Malaysia? Mesti ada--- *Back* [kembali] kepada teori permintaan. Sebab kita nak tengok apa yang menyebabkan mereka datang ke Malaysia. *Is it* [adakah] sebab destinasi kita ke, atau ada faktor luaran dia. So [jadi] kita kena ada teori behind [belakang] dia *especially* [terutamanya] selepas kita membuat penyelidikan, kita nak menulis. Menulis yang ilmiah lain. Menulis di surat khabar pembaca dia lain. Orang umum je kan. Kita kena menulis dalam bahasa yang paling mudah. Menulis dalam buku, lain. Dalam buku tak ada dah *literature review* [kajian kesusasteraan] lah, apa lah kan (ketawa). Kalau ada pun sikit lah, tak ada nak pakai model-model dah. Orang tak faham nanti. Kalau buku itu buku akademik, ditujukan kepada pelajar dan sebagainya, boleh. Tetapi kalau pembaca dia lebih umum, *then* [kemudian] tak perlu. Sebab nanti tak faham. Keluar pulak *equation* [formula], ya Allah, tak faham (ketawa). So [jadi] nak jadi penyelidik, teori dia kena tahu. Samalah dalam bidang Ekonomi ke, penyelidik dalam bidang Sains, dia ada teori juga. Katakan Kimia, A campur B campur C, ada lah *H2O* [formula] campur C lagi kan. Saya pun dah lupa, itu

Form 5 [Tingkatan Lima] dulu-dulu (ketawa). Dah berapa tahun, *dua puluh tahun* [20] lebih agaknya. So [jadi] dia kena tahu *background* [latar belakang] yang itulah. Actually [sebenarnya] nak jadi penyelidik ini karier dia berkembang dari peringkat pengajian tinggi jugaklah. Katakan dalam bidang Ekonomi dia nak jadi penyelidik, teori dia kena faham, dan dia memohon pekerjaan dalam bidang atau tempat yang melakukan penyelidikan seperti MPOB. MPOB memang buat kajian dan penyelidikan berkaitan dengan kelapa sawit. Mungkin dengan getah dan sebagainya. Begitu juga dengan mereka dalam bidang sains. Dia nak tengok bekerja dalam institut makanan *and so on* [dan sebagainya] kan. Dari segi asasnya dia tahu dan kemudian dia *apply* [mohon] lah dalam bidang itu. *FTSM* [Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat] ada penyelidikan juga. Bangunkan *software* [perisian] kan. So [jadi] nak bangunkan *software* [perisian] kena lah *basic* [asas] dia tahu. Kalau suruh saya buat program, saya tak tahu. Kadang-kadang kita *collaborate* [kerjasama] antara- - - yang macam saya sebutkan Social Accounting Matrics tadikan, dia ada software [perisian] dia. Software SAMs [perisian] lah, ada staff dari *FRIM* [Forest Research Institute of Malaysia], dia bawah Professor Zakaria di UPM, dia memang buat tentang SAM. Dia gunakan program biasa sahaja. Tapi kemudian dia telah bekerjasama dengan seorang Programmer untuk program kan *software* [perisian] tersebut. Itulah yang saya katakan tadi teori itu penting. Sebab nak buat *equation* [formula] tu dia dah ada dah. Matrik ini campur ini akhirnya_ *so* [jadi] dia boleh tulis dalam program. Teori kena tahu, kalau tak tahu, tak boleh buat. *Combine* [gabung] lah ilmu lepas tu. Kita cakap macam ini macam ini tapi orang bawah Sains Maklumat dia tahu, dia nampak macam mana dia nak baca. Matematik dia dah nampak, so [jadi] bila sebut input output, SAMs, CGE, orang matematik

memang dia cepat. Sebab dia dah nampak matrik ini, ini kali ini, campur--- Dia tahu dah. Siapa yang matematik dia lemah, dia pening buat ini. Sebab dia dah ada formula dia dah. Yang ini bahagi ini dapatlah *satu* [1] nilai. Lepas tu dia dapat semua nilai ni, kena terbalikkan pulak. Macam mana nak terbalik. Kalau *dua* [2] kali *dua* [2] matrik okay, kalau *lapan puluh* [80] kali *lapan puluh* [80]. Sekarang input output *seratus dua puluh* [120] kali *seratus dua puluh* [120], saya pun tak nampak (ketawa). Kena *combine* [gabung] lah bidang yang berbeza, campurkan, duduk semeja. Kita yang IAMURE pun kadang-kadang boleh juga.

FH : Nampaknya sesi temuramah kita sedar tak sedar hampir dua [2] jam lebih (ketawa). Banyak ilmu pengetahuan yang kami dapat. Jadi, sebagai penutup, apakah akhir kata dan harapan Dr. untuk masyarakat, warga Malaysia dan pembaca transkrip ini sendiri?

DN : Harapan ni besar. Harapan kepada yang membaca transkrip. Ringkasnya saya nyatakan saya sangat berterima kasih kepada aktiviti yang *you all* [kamu berdua] lakukan dan memilih saya sebagai yang ingin ditemubual, dan akhirnya nanti akan menghasilkan *satu* [1] transkrip yang menceritakan kiranya pengalaman saya. Dan orang lain boleh berkongsi sama. So [jadi] ini adalah salah satu daripada latihan yang bagus yang dilakukan oleh UiTM sendiri. Semakin transkrip yang dihasilkan, semakin banyak perkongsian yang boleh dilakukan sebab pengalaman manusia ni berbeza. Kejayaan dalam hidup ni juga berbeza. Kita ambil yang positif daripada pengalaman-pengalaman mereka. Tapi kalau dari pengalaman saya, saya memang harap mana yang positif, yang kalau mereka yang membaca dan melihat, ini sebagai kejayaan dan boleh dicontohi,

just [cuma] ambil sahaja. *Especially* [terutama] yang saya katakan tadi kalau kita nak maju, kita mesti tahu objektif kita ke mana akhirnya. Orang yang hidup tanpa objektif dia tak tahu ke mana arah tujuan dia. Mungkin sampai ke destinasi akhir, tetapi lambat. Memanglah ada kisah-kisah kita, biar jadi kura-kura, lambat tapi sampai. Tapi kalau kita berpeluang jadi arnab, *better* [lebih baik] jadi arnab. Cumanya si arnab tu dia sompong sedikit. Dia ejek-ejek orang lepas tu tidur tengah jalan. Cuba si arnab tu habiskan dulu, nak tidur pun tidurlah tapi habiskan dulu dan tidur di garisan penamat. Kan bagus. Ini tidur awal-awal di tengah jalan. Maka si kura-kura dapatlah sampai lebih awal. Tapi *moral of the story* [pengajarannya] kita jangan perlekehkan orang. Dia ada kelebihan dia, walaupun lambat tapi istiqamah. Macam kita juga kita tahu kemampuan diri kita, *so* [jadi] ukur kemampuan diri kita. Kalau kita boleh cepat buat, *then* [kemudian] buat cepat. Banyak lagi benda lain yang kita kena kejar. Kita tak tahu berapa lama kita boleh hidup. Kalau bertambah lama bertambah bagus la kot. Banyak benda kita boleh buat kan. Tapi kalau masa hidup kita singkat, cepatkanlah kita habiskan tanggungjawab kita. Tak payah tunggu lama-lama sangat. Untuk berjaya objektif kena ada dan *plan* [rancang] lah untuk kita capai objekktif kita. Kalau tersasar sikit, itu biasa lah kan dalam perjalanan hidup, kita sedar kembali kepada yang Esa. Sebab saya juga tertarik dengan *words* [perkataan] yang--- Saya sebenarnya dulu pernah juga terlibat dengan *MLM* [perniagaan berangkai]. Semua benda saya cuba (ketawa). Ada seorang *owner* [pemilik] kepada syarikat tersebut, dia kata, kita kena sentiasa perlu capai yang tertinggi. Contohnya dia kata, biarlah kita mensasarkan ke bulan, tapi kalau tak sampai ke bulan, jatuhlah antara bintang-bintang. *So* [jadi] kita kena buat sampai ke peringkat yang paling tinggi. Kalau tak boleh tu rendah sikitlah. Kalau kita target memang rendah,

target dapat C cukuplah (ketawa), kalau lah dapat C. Samalah masa saya *student* [pelajar] dulu, sebab saya pernah dapat pointer rendah, *two point one* [2.10] lebih kurang. So [jadi] nak naik balik, *lecturer* [pensyarah] saya kata “you mesti ada objektif, you set objektif you apa yang you nak dapat untuk setiap mata pelajaran”. Dengan dia punya motivasi saya tak pernah set *below* [rendah] dari A. *Lima* [5] saya ambil *lima* [5] lah saya set A. Lepas tu saya tulis dan letak belakang kalkulator. Saya akan bawa kalkulator itu ke mana-mana sahaja. Bila lepas saya *exam* [peperiksaan], dapat keputusan, saya *compare* [bandingkan] balik betul tak saya dapat A. memang saya dapat A, sebab saya target dapat A. tapi jangan target sahaja, usahanya mesti A juga kan, atau A *plus* [A+] baru kita dapat A. tapi kita kadang-kadang tu objektif ke bulan, usahakan bintang, kat tanah tak naik lagi (ketawa). So [jadi] saya haraplah untuk berjaya kena ada objektif, perancangan, dan istiqamah dalam apa sahaja. Sebab saya dengan anak-anak pun_ _ _ _ Kita Tanya dia, kita tak boleh suruh orang ikut apa kita nak. Macam saya tadi tak dapat jadi doktor, tapi saya tak boleh *push* [paks] anak saya jadi doktor. Mungkin dia ada minat dia sendiri. Seriap individu kena kenalpasti keupayaan diri, kalau tak upaya, kena tukarlah. Ukur baju di badan sendiri. Kena kenal pasti, kalau tak pasti, tanya orang, apa yang orang nampak kelebihan kita sebab orang Melayu sikapnya tak suka menunjuk. Itu memang *typical malay* [Melayu biasa] lah (ketawa). So [jadi] tanya pandangan orang apa kelebihan dia. Kalau perlu minta bantuan, minta. Cara kita mendapat input dari orang ni luas terbentang. Cuma kita yang tak cuba. *Especially* [terutama] pelajar kena fikir masa depan. Remaja sekarang tak kira bangsa mana pun dah terlalu selesa dengan hidup dia. *Once* [sekali] kita dalam comfort zone [zon selesa] kita akan kurang berusaha *compare* [banding] dengan mak ayah kita dulu. Mak ayah

kita lahir memang zaman susah, jadi dia bekerja keras. Kita anak ni minta apa semua dapat. Cuba kita bayangkan walaupun kita minta apa pun boleh dapat, itu harta yang ayah kita kan, ayah kita berikan ruang untuk menimba ilmu. Timba ilmu sebaik mungkin dan kita set lah objektif kita nak sampai ke mana. *Especially* [terutama] yang muslim janganlah satu arah *je* [sahaja] kan. Kita kena seimbang. Agama lain pun sama juga sebenarnya. Sebab saya dulu pun masa belajar ada *communicate* [berkomunikasi] dengan non-muslim saya tanya agama dia macam mana. Macam baru-baru ini saya ke India, saya tengok orang India, Islam dan Sikh lebih kurang sama sahaja. Orang Sikh ada juga sujud dan sebagainya, lagu-lagu memuji tuhan mereka, kitabnya. *So* [jadi] kadang-kadang kita orang muslim memanglah percaya kepada tuhan yang *satu* [1], Allah. Tapi bagaimana boleh lari begitu jauh walaupun nampak sama. Mesti ada salah silah dari satu punca contohnya orang A kata ini, orang B kata ini, *so* [jadi] semua dah berbeza. Macam kita sampaikan ilmu, orang pertama sampaikan ilmu kepada yang ketiga, keempat dan seterusnya. Kalau yang seterusnya itu tidak merujuk semula kepada yang asal, dah banyak yang lari. Jadi untuk orang muslim, cari dunia, carilah juga akhirat, baru lah *balance* [seimbang] dan lebih terarah. Kepada bukan muslim juga (berdehem) dia membaca transkrip ini, dia boleh ikut benda yang sama. Memanglah sebagai orang muslim, saya pun nak orang masuk ke agama kita, itu yang terbaik sebab kita rasa kita benar. Saya pernah ada kawan *Chinese* [bangsa Cina] kat sini sama *age* [umur] dengan saya tahun lepas dia meninggal, saya rasa sayang tidak berdakwah dengan dia. Saya pernah bercerita pasal agama *and so on* [dan sebagainya] tapi tak sempat nak berdakwah lebih. Tapi kita pun tak boleh paksa dia sebab kita ada kebebasan beragama. Tapi mungkin mereka boleh berdoa supaya diberi petunjuk *which agama is truth*

[agama mana yang benar]. Yang non-muslim pun boleh memanfaatkan transkrip ini dan fikir yang positif. Sesungguhnya yang baik itu daripada Allah dan yang kurang itu dari saya sendiri.

- FH : **Jujur saya katakan banyak pengalaman, ilmu dan pengajaran yang kami dapat bukan sahaaj dari segi akademik. Kami sendiri sebagai pelajar rasa semangat untuk menjadi seperti doktor (ketawa). Kami ingin mengucapkan terima kasih yang tak terhingga kepada doktor kerana memberi kerjasama yang baik. Kami harap ini bukan pertemuan pertama dan terakhir. Semoga boleh berjumpa doktor di masa lain. Terima kasih dan assalamualaikum.**
- DN : Datanglah lagi (ketawa). Waalaikumussalam.

TAMAT BAHAGIAN 5

Terima kasih diucapkan kepada Dr. Norlida Hanim kerana sudi meluangkan masa bersama kami. Maka berakhirlah sesi temuramah bersama Dr. Norlida Hanim pada hari ini.

LAMPIRAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ... NORLIDA HANIM MOHD SALLEH. Pada ... 13 APRIL 2014 ...

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat**: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ... 13.04.2014 (tarikh). Dipersetujui pada ... 13.04.2014 oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (Tokoh)

Norlida Hanim Mohd Salleh (Ph.D)
School of Economics
Faculty of Economics and
Management
Universiti Kebangsaan Malaysia

Dr. Hj. Chazali Bin Osman,

Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.

LOG WAWANCARA

Rakaman ini berkenaan kisah hidup seorang pendidik yang mendapat gelaran Profesor Madya iaitu Dr. Nurlida Hanim Mohd Salleh. Beliau merupakan seorang pensyarah dan penyelidik yang kini berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai Dekan Fakulti Ekonomi UKM. Berikut merupakan log wawancara oleh Nur Athirah Abdullah dan Nurfaezah Hanis yang telah menemui beliau. Sesi temubual dijalankan di bilik pejabat beliau di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Selangor. Ikuti wawancara ini selama 2 jam yang merangkumi beberapa aspek iaitu latar belakang, sejarah pendidikan, aspek kerjaya dan aspek profession serta sumbangan beliau dalam penglibatan sebagai pensyarah dan penyelidik.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG		
0.35	Pengenalan diri responden	Dr. Nurlida Hanim Mohd Salleh, UKM
02.06	Tempat asal dan tarikh lahir responden	Kampung Baru Kuala Dipang, Perak 30 September 1971
02.36	Latar belakang ibu bapa responden	Zamaah Din, Suri rumah tangga Mohd Salleh Mohd Shah, Pesara tentera dan buruh am di Jabatan Kerja Raya (JKR)
04.00	Adik-beradik responden	Mohd Salleh Kampar, Perak

04.13	Responden mengimbau pengalaman pahit manis ketika melalui zaman kanak-kanak dimana terpaksa berpindah randah ke beberapa negeri dan hidup di kem tentera	Perak Pulau Pinang Kem tentera Sungai Ara, Pulau Pinang Kampung Tebing Tinggi, Maling Nawar
11.00	Responden menceritakan alam rumah tangga dan perkhawinannya.	1998 Shamain bin Lagiman
11.24	Responden menceritakan latar belakang anak-anaknya	Nur Fatihah, 14 tahun Mohd Akmal Yasin, 13 tahun Mohd Akmal Habib, 10 tahun

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN		
17.23	Responden menceritakan ketika dirinya ingin menjadi seorang doktor perubatan namun terkandas di dalam permohonan di peringkat Matrik dan Universiti.	Sekolah Menengah Buyong Adil, Tapah, Perak. Matrikulasi Sains Universiti Teknologi Mara(UiTM) Pejabat Pendidikan Daerah, Ipoh, Perak Sekolah Menengah Sri Kampar, Perak
21.52	Responden menceritakan cabaran apabila berlakunya pertukaran antara aliran sains kepada aliran sastera semasa tingkatan enam.	Sekolah Menengah Buyong Adil, Tapah, Perak Sekolah Menengah Sri Kampar, Perak
28.15	Responden menyatakan bahawa beliau mempunyai seorang guru yang diminati telah memberi inspirasi untuk cenderung dalam bidang ekonomi.	Sekolah Menengah Sri Kampar, Perak Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
33.05	Rakan seperjuangan yang akrab semasa zaman universiti	Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM) Bangi, Selangor. Azalina, Melaka Zariah, Gunung Bersaut Maizatul Dora Fatimah, Sarawak.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 4: ASPEK PROFESION DAN SUMBANGAN		
37.40	Mula penglibatan sebagai seorang pembantu penyelidik kepada salah seorang pensyarah.	Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM) Bangi, Selangor. CASMED UKM, Bangi,Selangor Fakulti Ekonomi, UKM Universiti Pertanian Malaysia, (UPM) Serdang, Selangor
1.23.14	.Penerbitan buku yang pertama dari bahagian penyelidikan	Universiti kebangsaan Malaysia
1.31.54	Penglibatan khidmat social responden bersama masyarakat orang asli	Perkampungam Orang Asli Kampung Sungai Ruil, Cameron Highland.

SENARAI SOALAN TEMURAMAH

1.0 Bahagian 1 : Latar Belakang

1. Nama penuh Dr.?
2. Apakah panggilan yang biasanya digunakan oleh kawan atau keluarga, mungkinkah ada panggilan manja?
3. Dari manakah Dr. berasal?
4. Jadi sekarang berumur empat puluh tiga tahun [43]?
5. Bolehkah Dr. memberitahu nama penuh ibu bapa Dr.?
6. Maafkan saya jika bertanya, adakah mereka masih ada?
7. Jadi sebenarnya apakah latar belakang ibu bapa Dr.? Apakah pekerjaan mereka?
8. Berapakah bilangan adik beradik Dr. semuanya?
9. Bolehkah Dr. bercerita sikit [sedikit] tentang zaman kanak-kanak Dr.?
10. Adakah Dr. berbasikal pergi ke sekolah dengan adik?
11. Berapakah beza umur dengan adik Dr.?
12. Jadi Dr. mesti ada pengalaman pahit manis masa zaman kanak-kanak.
13. Berdasarkan pertemuan pertama kita saya difahamkan Dr. telah berkahwin, bilakah Dr. mendirikan rumah tangga?
14. Apakah pekerjaan suami Dr.?
15. Berapakah bilangan cahaya mata dan umur anak-anak Dr. sekarang?
16. Adakah mereka bersekolah di kawasan berdekatan tempat tinggal Dr.?
17. Dalam kesibukan menguruskan anak-anak dan suami adakah Dr. mempunyai hobi yang dilakukan pada masa lapang?
18. Adakah Dr. mempunyai idola atau role model yang diminati mungkin dari zaman kanak-kanak hingga dewasa?

2.0 Bahagian 2 : Sejarah Pendidikan

19. Sebelum Dr. bergelar seorang pensyarah adakah Dr. mempunyai cita-cita lain?
20. Daripada sains bertukar kepada sastera, agak jauh bezanya, tapi Alhamdulillah Dr boleh bawa diri pada masa itu.
21. Berdasarkan apa yang Dr telah beritahu tadi tentang kurangnya pendedahan pelajar terhadap kerjaya, bagaimana pula dengan kelengkapan di sekolah pada masa itu?
22. Bagaimana pula dari segi akademik dan ko-kurikulum di sekolah pada zaman itu? Adakah Dr. seorang yang aktif melibatkan diri dalam aktiviti tersebut?
23. Apakah perancangan Dr selepas *form 6* [tingkatan enam] adakah bekerja atau menyambung pelajaran?
24. Jadi cikgu itu lah yang mendorong Dr. untuk cenderung ke arah ekonomi pada ketika itu?
25. Adakah Dr. memperoleh pendapatan untuk itu?
26. Selepas tamat tingkatan enam kemudian Dr. mendapat tawaran di mana?
27. Apakah perbezaan yang dirasai oleh Dr semasa zaman peralihan sekolah ke universiti?
28. Bagaimana pula dengan rakan- rakan atau teman seperjuangan semasa zaman universiti dahulu? Siapa yang menjadi teman paling rapat?
29. Adakah Dr. masih berhubung dengan mereka?

3.0 Bahagian 3 : Aspek Kerjaya

30. Dari aspek kerjaya pulak bagaimana Dr. mula terlibat dalam bidang pendidikan sebagai seorang pensyarah?
31. Seperti Dr. sebutkan tadi Dr. dalam bidang Pertanian tetapi kenapa sekarang dalam bidang Ekonomi?
32. Apa pendapat Dr. tentang sambutan bidang ini dalam kalangan pelajar di Malaysia?
33. Bagaimana pula dengan pengambilan pelajar oleh UKM sendiri ke dalam fakulti ini?
34. Bagaimana seorang pelajar ingin tahu subjek apa yang akan menjadi pilihan elektif dan bagaimana ianya terkesan?
35. Saya tertanya-tanya mengapa UKM tidak sahaja menetapkan subjek elektif buat student?
36. Seperti yang diketahui remaja memang mudah dipengaruh rakan sebaya. Ini termasuk pelajar universiti. Mereka membuat pilhan berdasarkan citarasa kawan-kawan itu sendiri dan mengikut jejak langkah senior. Jadi apa pendapat Dr. tentang hal ini?
37. Sepanjang menjalankan tugas di UKM ini, apa cabaran pahit manis yang Dr. lalui terutamanya dalam menghadapi karenah pelajar?
38. Semasa tempoh pembelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia adakah Dr. ada mendapat sebarang tawaran contohnya seperti biasiswa atau pinjaman?
39. Adakah SLAP ini ianya seperti skim latihan tenaga pengajar muda?
40. Saya difahamkan Dr. mengambil jurusan yang sama semasa Degree namun di universiti yang berlainan. Boleh Dr. huraikan sedikit mengapa?
41. Kenapa Dr. memilih UPM dan bukannya UKM?
42. Berapa lama Dr. mengambil Master?
43. Jadi apa pendapat Dr. tentang teori versus praktikal dalam proses P & P?

4.0 Bahagian 4 : Profession dan Sumbangan

44. Bagaimanakah Dr. mula terbabit dalam penghasilan artikel dan berapakah jumlahnya?
45. Boleh Dr. nyatakan berapa bilangan artikel dan buku yang sudah dihasilkan oleh Dr. sendiri?
46. Adakah buku diterbitkan secara berperingkat dan bagaimana pula dengan edaran buku-buku tersebut?
47. Itu untuk penerbitan buku tetapi bagaimana pula dengan conference paper? Adakah Dr. pernah melibatkan diri dalam conference dalam dan luar negara?
48. Setakat ini apakah anugerah ataupun pengiktirafan yang Dr. terima sepanjang berkhidmat sebagai pensyarah di UKM ini?
49. Jadi adakah Dr. sudah berpuas hati dengan pencapaian Dr. setakat ini? Atau ada lagi yang masih ingin dicapai selepas ini?
50. Dr. merupakan major dalam bidang ekonomi pelancongan, persekitaran dan komuniti. Boleh Dr. huraikan lebih mendalam mengenai salah satu penyelidikan Dr. setakat ini yang yang melibatkan kaitan antara ketiganya lebih lagi dalam kemasyarakatan?
51. Apa pendapat Dr. sendiri perlukah kitakekalkan ke originaliti kebudayaan pembangunan orang asli itu sendiri atau kita berimperik dengan mereka pembangunan yang sejajar dengan komuniti masyarakat yang lain?
52. Penyelidikan terhadap komuniti telah memberi impak kepada Dr. jadi bagaimana pula dengan penghasilan buku taman laut yang dihasilkan oleh Dr.? Dan apakah impaknya kepada ekonomi Malaysia itu sendiri?
53. Selain daripada khidmat masyarakat anjuran penyelidikan bawah UKM adakah Dr. turut terlibat dengan *NGO* [Non-Government Organization] atau persatuan-persatuan lain luar daripada UKM sendiri?

54. Jika diberi peluang apakah jenis NGO [Non-Government Organization] yang ingin ditubuhkan oleh Dr.?
55. Saya tertarik dengan Persatuan Input Output Malaysia itu tadi. Boleh Dr. hubungi dengan lebih terperinci apakah objektif, matlamat dan aktiviti persatuan itu sendiri?
56. Persatuan Input Output ini beroperasi di UKM sahaja atau terbuka seluruh Malaysia
57. : Bagaimana dengan syarat untuk menjadi ahli dan yuran persatuan?
58. Setakat ini berapakah bilangan ahli dalam persatuan tersebut?

5.0 Bahagian 5 : Harapan

59. Apakah harapan Dr. terhadap pelajar yang ingin menyertai bidang Ekonomi serta skill yang perlu ada untuk menjadi seperti Dr.?
60. Bagaimana pula dengan yang ingin menceburi dalam bidang penyelidikan? Tips-tips serta sumber yang boleh digunakan?
61. Nampaknya sesi temuramah kita sedar tak sedar hampir dua [2] jam lebih (ketawa). Banyak ilmu pengetahuan yang kami dapat. Jadi, sebagai penutup, apakah akhir kata dan harapan Dr. untuk masyarakat, warga Malaysia dan pembaca transkrip ini sendiri?

GAMBAR



Gambar 1: Gambar kenangan bersama Dr.Norlida Hanim Mohd Salleh.



Gambar 2: Gambar Dr.Norlida Hanim Mohd Salleh bersama Research Assistant.

INDEKS

UPM · 29, 30, 48, 50, 55

E

ekonomi · 13, 15, 16, 25, 29, 30, 32, 34, 41, 45, 46, 50,
53

J

jabatan · 21, 23, 25

K

kampung · 6, 10, 11, 13, 16, 17, 18

M

Matematik · 11, 17, 56

P

pelajar · 3, 12, 13, 14, 21, 23, 24, 27, 28, 34, 38, 42, 46,
52, 53, 54, 58, 60
pelancongan · 28, 29, 32, 38, 40, 41, 45, 46, 50
pensyarah · 2, 11, 15, 18, 21, 28, 32, 37, 38, 40, 41, 58
penyelidikan · 28, 37, 38, 39, 40, 41, 47, 52, 54
peperiksaan · 16, 22, 27, 34, 58
permintaan · 25, 29, 32, 38, 54
persatuan · 47, 48, 49, 50, 51, 52
pertanian · 21, 23, 25
program · 24, 25, 28, 34, 47, 48, 55

S

subjek · 2, 11, 17, 25, 27

T

teori · 32, 34, 38, 54

U

UKM · 2, 15, 17, 23, 24, 25, 27, 28, 30, 31, 39, 40, 42,
47, 48, 50
universiti · 15, 16, 18, 19, 20, 21, 24, 27, 29, 30, 37, 39,
40, 53